

SEJARAH
chedet.co.cc
January 28, 2011

1. Sejarah menceritakan apa yang telah berlaku dahulu kepada sesuatu negara atau bangsa. Tidak semua yang diceritakan diasaskan kepada fakta yang benar-benar berlaku. Tiap negara dan tiap ahli sejarah mengutamakan kepentingan negara apabila menulis berkenaan sejarah yang dilalui oleh negara masing-masing.
2. Demikian penulis sejarah British apabila menulis berkenaan pertempuran perang di Waterloo mendakwa bahawa pertempuran itu telah selesai dimenangi oleh Duke of Wellington, Jeneral yang mengetuai tentera British sebelum tentera Jerman yang diketuai oleh Blucher sampai ke Waterloo untuk membantu Wellington.
3. Ahli sejarah Jerman pula menulis bahawa Wellington hampir kalah di Waterloo apabila Blucher sampai dan menyelamatkan tentera British dan seterusnya memberi kemenangan kepada tentera gabungan Jerman dan British.
4. Banyaklah rencana dalam buku sejarah yang memberi gambaran yang berlainan dan berbeza berkenaan dengan peristiwa yang sama kerana kepentingan negara masing-masing.
5. Kita jarang membaca dalam buku sejarah Barat bahawa negara Sepanyol ditawan dan dikuasai orang Islam selama 800 tahun, atau kekalahan teruk tentera British di Gallipoli, Turki, di tangan tentera Turki pimpinan Mustafa Kamal.
6. Sekarang kita dengar pendapat bahawa dalam menulis sejarah negara kita sensitiviti semua kaum mesti diambil kira. Soalnya setakat manakah yang sensitiviti boleh menidak kebenaran sejarah? Jika ia keterlaluan maka sejarah yang akan dipelajari oleh penuntut kita akan menjadi cerita dongeng dan bukan sejarah.
7. Umpamanya ada dakwaan berkenaan dengan penduduk asal semenanjung ini yang bercanggah dengan kebenaran. Apakah kerana sensitifnya perkara ini maka kita tidak akan sebut berkenaan penduduk asal negeri-negeri Semenanjung, berkenaan orang asing yang datang menduduki semenanjung ini, yang menjadikan bahasa tempatan sebagai bahasa mereka, menerap sebahagian daripada budaya dan pakaian tempatan sebagai budaya dan pakaian mereka. Sekarang tidak ada lagi orang seperti ini kerana di zaman ini perlakuan seperti ini tidak dapat diterima oleh kaum tertentu.
8. Dan banyaklah lagi kebenaran sejarah yang boleh dianggap sensitif, sensitif kepada Melayu, Cina, Tamil, Iban, Kadazan dan lain-lain suku kaum. Jika semua yang sensitif kepada kaum-kaum di Malaysia ditapis maka tidak ada pelajaran yang akan diperolehi penuntut.
9. Sebaliknya satu daripada hasil dari matapelajaran sejarah ialah kita lebih prihatin dengan tidak melakukan kesalahan-kesalahan dahulu dalam tindak-tanduk rakyat dan pemerintah. Jika dahulu sistem raja berkuasa mutlak kerap membinasakan negara, maka sistem itu diganti dengan sistem pemerintahan oleh rakyat. Tanpa pengalaman dalam sejarah maka pembetulan cara pemerintahan negara tidak akan dapat dibuat.
10. Kata George Santayana, seorang ahli pemikir Amerika, "Mereka yang lupa akan sejarah akan didera dengan mengulangi kesilapan mereka berkali-kali".

11. Kita semua belajar dari pengalaman. Jika zaman ini lebih baik iklimnya daripada dahulu sebabnya ialah kerana kita tidak amalkan kesilapan-kesilapan dahulu. Kita telah belajar dari pengalaman kita dan pengalaman ini adalah sebahagian dari sejarah.

12. Jika kita lupakan atau ketepikan pengalaman dahulu yang kita alami tak dapat tidak memperbaiki iklim dalam masyarakat manusia tidak akan menjadi lebih baik.

13. Saya telah baca buku teks sejarah dan saya dapati banyaklah peristiwa yang penting yang berlaku di zaman penjajahan British, Jepun, Siam dan sekali lagi British yang tidak terdapat dalam buku-buku ini.

14. Saya tahu apa yang tertinggal atau apa yang tidak diberi ulasan yang tepat kerana saya melalui zaman-zaman ini. Saya harap penulis yang akan menulis buku teks yang baru, sambil mengambilkira sensitiviti tetapi akan berpegang kepada kebenaran.

15. Oleh kerana semua ini maka janganlah kita terlalu ghairah untuk tidak menyentuh sensitiviti kaum-kaum di negara tercinta ini sehingga hilang segala pelajaran yang boleh diperolehi dari sejarah kita yang benar.

92 Comments

By parameswara 2Author Profile Page on February 4, 2011 12:25 AM

Dearest Tun

1-History will be repeated whether we like it or not.

2-Even if we have studied history and hoped not to repeat it we will repeat it nonetheless.We may be strong willed enough not to commit the mistake someone who would come after us will eventually flounder.

3-UMNO would collapse eventually no matter how hard the leadership may want to prolong its lifespan.Nothing last forever and studying history may at best only delay it.

4-Would the history of Mary Antoinette and the Guillotine be repeated to bring down UMNO in PRU13 if not 14?

Thanks Tun

By jollyAuthor Profile Page on February 2, 2011 4:43 PM

Salam Tun,

Minta ruangan Tun.. Thanks Tun.

Hi Zulkiflee_arif,

Lari lintang pukang? Alamak! No wonder your name has a "flee" in it.

Saudara gagal sejarah ke?

Orang cina telah lama menetap di sini sebelum jepun tu menyerang lah!

Saudara patut meminta maaf kepada penduduk2 di tempat2 negara kita macam titi, kuala

pilah, lubuk cina. ramai orang mati di sana tapi kau macam happy saja.

bila kau nampak tentara jepun tu datan dulu kau hanya tau kowtow saja ke? atau lawan sama kawan2 cina kau yang hilang emak bapa dan adik2?

sekian.

"A good man brings good things out of the good stored up in his heart, and an evil man brings evil things out of the evil stored up in his heart. For the mouth speaks what the heart is full of."

"With the tongue we praise our Lord and Father, and with it we curse human beings, who have been made in God's likeness. 10 Out of the same mouth come praise and cursing. My brothers and sisters, this should not be."

By naharAuthor Profile Page on February 1, 2011 5:49 PM

Salam Tun dan keluarga. Maaf ada pembetulan.

1. Menarik juga tulisan Tun tentang tajuk ini. Terutama para 10 dan 11 seperti berikut...

..."(10. Kata George Santayana, seorang ahli pemikir Amerika, "Mereka yang lupa akan sejarah akan didera dengan mengulangi kesilapan mereka berkali-kali".)

...(11. Kita semua belajar dari pengalaman. Jika zaman ini lebih baik iklimnya daripada dahulu sebabnya ialah kerana kita tidak amalkan kesilapan-kesilapan dahulu. Kita telah belajar dari pengalaman kita dan pengalaman ini adalah sebahagian dari sejarah.)....."

2. Memang sikap manusia dari awal tamadun cuba sembunyi dan menidakkan sejarah terutama tentang perkara buruk masa lampau yang dilalui, kerana bersekongkol dengan syaitan/iblis yang telah mencipta sejarahnya sendiri disingkir dari syurga kerana keangkuhannya dan berjaya memperdayakan manusia pertama, iaitu Adam.

3. Kisah Nabi Adam yang juga telah mencipta sejarah manusia turut disingkirkan dari syurga gara-gara hasutan syaitan/iblis yang TELAH bersumpah dengan Tuhan untuk menyesatkan manusia.(perkataan telah bermaksud sudah berlaku dan menjadi sejarah).

4. Tetapi Tuhan(Allah) telah mengajar kita(manusia) tentang beberapa ilmu termasuk sejarah untuk panduan hidup melalui PENCERITAA-PENCERITAAN di dalam EMPAT kitab yang TELAH diturunkan kepada manusia melalui perantaraan para Nabi-nabi terdahulu. <http://injil.org/Kalimatullah/revelations.html#tawrat>).

5. Al-Kitab yang mempunyai banyak PENCERITAAN yang telah berlaku adalah antara bukti Allah mengajar kita(manusia) tentang sejarah sebagai ilmu pengetahuan yang boleh menjadi peringatan, panduan dan iktibar ummat kemudian.

6. Iktibarnya ialah supaya jangan jadi ummat terdahulu(telah dihancurkan Allah) yang dimusnahkan akibat kezaliman, kemungkaran, tidak mengikut peraturan kehidupan yang perlu sebagai manusia berakal seperti kaum Aad, Tsamut, Luth, Firaun dan banyak lagi yang diceritakan dalam kitab terdahulu dan juga al-Quraan.

7. Bermulanya tabiat manusia menidakkan sejarah ini telah berlaku sejak dari zama Adam lagi apabila berlakunya pembunuhan pertama manusia iaitu apabila Qabil membunuh adiknya Habil kerana tidak dapat memperisterikan Iqlima yang cantik itu dan cuba menyembunyikan bahan bukti dan fakta dari pengetahuan ayahnya Adam akan perbuatan

pembunuhannya itu dengan menanam mayat adiknya.

<http://harmoni-my.org/arkib/kisahnabi/kisahhabildanqabilputeranabiadamas.htm>).

8.Orang Eropah mula menulis sejarah dan berbagai ilmu zaman moden ini setelah mendapat petunjuk dan ilmu dari al-kitab yang juga pernah diturunkan kepada saudara dan keturunan mereka yang berhijrah. Hingga kini mereka masih mengkaji sejarah lama tersebut (archaeology & anthropology), iaitu tentang sejarah purba dan sejarah peradaban manusia seperti yang diceritakan dalam kitab terdahulu dan juga al-Quran.

9.Kepada mereka yang cuba/ingin mengubah fakta sejarah moden ini, jangan jadi seperti orang Yahudi dan Kristian sejak dari dahulu hingga sekarang yang bersikap bongkak, tamak dan sombong ingin/cuba & telah mengubah fakta sejarah, iaitu mana-mana fakta yang tidak ikut selera atau tidak memihak kepada mereka.

10.Perkara-perkara yang mereka tidak suka yang bertentangan dengan pemikiran dan kehendak mereka seperti apa yang telah Tuhan perintahkan dan wahyukan kepada mereka melalui Nabi dan Rasul terdahulu(sebagai umat ketika itu) yang telah mereka bongkar dan ketahui kebenarannya, tetapi diubah faktanya. <http://wikiislam.net/wiki/Taurat>).
<http://isaalmasih.net/indonesian/bible-isa/tawrat-zabur-injil-i.html>).

11.Contohnya "Darwin Theory" yang sengaja ditulis bertentangan dengan apa yang diceritakan dalam al-kitab berkaitan kejadian manusia dari Adam dan kesan serta bukti sejarah peninggalan Nabi-nabi di Jerusalem(Baitulmuqaddis), ayat-ayat tuhan dalam tiga kitab-kitab terdahulu telah ditukar, seperti tentang nabi Isa dikatakan anak Tuhan dan malahan fakta-fakta sejarah ditempat-tempat mereka menjajah juga ada yang telah ditukar.

12.Malahan banyak lagi pembohongan mengenai fakta yang benar dan hak telah mereka tukar mengikut kepentingan dan selera mereka. Kegiatan itu terus berlaku sejak dari dahulu hingga kini seperti antaranya beberapa contoh yang Tun sendiri telah rungaikan melalui tulisan dalam blog chek det ini.

13.Antara kitab terdahulu Taurat(torah/tawrah), Zabur(zimra/psalm), Injil(bible) & al-Quran(al-Furqan) yang mana didalamnya terdapat banyak sumber sejarah untuk panduan dan membimbing manusia ke arah kehidupan yang mulia melalui amalan beragama yang mana didalamnya terdapat penceritaan-penceritaan dan kisah-kisah kesilapan orang-orang terdahulu yang menjadi iktibar kepada kita umat kemudian sebagai panduan dan pengajaran.
<http://www.al-kitab.org/webkitab/preface.htm>).

14.Sejarah adalah bahan bukti yang amat penting dan malahan boleh digunapakai dalam menyelesaikan permasalahan ilmu moden dan juga bagi merungkai permasalahan manusia. Contoh umpamanya dalam bidang perubatan, untuk "diagnostic" sesuatu penyakit kronik seseorang, data atau sejarah lampau tentang dirinya dan keluarganya(keturunan) perlu diambil kira dan direkodkan untuk tujuan diagnosis.

15.Begitu juga dalam bidang perundangan. Sejarah lampau yang dilakukan seseorang akan menjadi bukti kuat untuk mengaitkan kesalahan seseorang. Contohnya, seperti kes liwat DSAI. Sejarah perlakuan seseorang adalah sebagai salah satu contoh yang boleh dijadikan bahan fakta (bersama bukti lain) yang amat berguna untuk tujuan penghakiman yang hendak diputuskan.

16.Sebenarnya, apa-apa ilmu yang kita pelajari, yang kita kaji dan yang kita bongkar,

segala penemuan penyelidikan yang manusia telah bongkar sebenarnya penemuan itu membongkar sejarah penciptaan oleh penciptanya. Dengan kata lain, penemuan tersebut ada hubung kaitnya dengan penemuan sejarah juga.

17. Samaada ilmu matematik, sains(fizik/kimia/biology/atom etc.) & sebagainya ada kaitnya dengan ilmu sejarah juga iaitu sejarah yang telah diciptakan ketentuan-ketentuan sesuatu kejadian itu. Manusia hanya perlu merungkai dan mombongkarnya sahaja ilmu Allah itu.

18. Ilmu yang manusia pelajari, yang dikaji dan bongkar itu adalah ilmu ciptaan Allah yang telah tertulis di LohMahfuz dan telah menjadi sejarah penciptanya tentang apa yang telah ditentukanya terhadap sesuatu kejadian dan hukum alam itu, terutama semasa mencipta dan menjadikan alam semester ini.

19. Umpamanya dalam matematik, tidak pernah dalam sejarah $2 + 2$ jumlahnya 3 atau 5, tetapi tetap 4 kerana itu ketentuan Allah dari awal-awal ciptaanya hingga sekarang, kecuali dengan izinnya.

20. Menciptakan Arsy dalam masa 7 hari, bumi berpusing 24jam sehari untuk perkiraan dan menentukan malam dan siang dan tidak mungkin malam mendahului siang dan siang mendahului malam kerana telah ditetapkan peraturanya. Dan banyak lagi contoh-contoh perkiraan lain yang Allah telah tentukan tanpa silap atau gagal. Bukankah semuan ciptaan ketentuan itu sudah menjadi sejarah.?

21. Fakta angka ini berkaitan dengan penciptaan MASA/WAKTU oleh Allah (iaitu berkaitan dengan jumlah pusingan cakrawala dan bumi yang mana telah ditetapkan ketentuannya, iaitu terbit dari Timur dan jatuh di sebelah Barat. Begitu juga tempoh usia manusia dan alam ini semuanya telah ditentukan tempohnya sehingga satu hari akan belaku kiamat(end of the world).

22. Sebab itu Allah berfirman " demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam keadaan kerugian". Sebabnya ialah kerana tempoh usia seseorang telah ditentukan mengikut perkiraan masa yang telah tertulis sebagai sejarah di LohMahfuz.

23. Demikian juga dengan tindak balas kimia seperti asid tertentu bertindak balas dengan atom logam tertentu akan menghasilkan tenaga elektrik. Keadaan itu tidak pernah berubah kerana sejarah penciptaannya oleh Allah memang telah ditetapkan begitu dari awal kalam lagi.

24. Apabila saja unsur-unsur tersebut bercampur, tindakan yang berlaku atau hasilnya ialah begitu(tenaga elektrik), dan banyak lagi contoh yang boleh kita perhatikan sebagai iktibar.

25. Sesuatu yang telah menjadi sejarah tetap akan menjadi sejarah. Sejarah tidak menipu kecuali manusia memindanya. Sesuatu kejadian yang telah berlaku atau apa yang telah manusia lalui dan lakukan(baik/buruk) ia tetap telah berlaku dan tetap akan jadi sejarah.

26. Sejarah tidak boleh dipinda lagi dan telah terakam di pangkalan data Universe ciptaan Tuhan (di LohMahfuz) sebagai bukti yang akan ditayangkan semula pada hari pembalasan nanti).

27. Walaupun di dunia ini kita cuba untuk menidakkannya dengan sedaya upaya cuba meminda faktanya dan sejarah, sebenarnya itu adalah kerja-kerja orang munafik yang tidak mahu menerima kebenaran dan hakikat.

28. Kerana itu adalah sikap kebanyakan manusia dari dahulu hingga kini yang memang tidak mahu mengakui perbuatan, kesalahan dan keburukan masa lampau. Siapa yang mahu mengaku berak ditepi jalan.?? ...end.

Tq Tun.

By PakmaAuthor Profile Page on February 1, 2011 12:54 PM

assalamualaikum ayahnada Tun,

Pujanga pernah berkata "SEJARAH AKAN BERULANG"

Malaysia kini padan tahun 2011

Melaka jatuh pada tahun 1511

Dah genap 500 tahun, adakah kita akan DIJAJAH KEMBALI? Wahai bangsa Melayu sanggupkah kamu di jajah kembali setelah baru engah abad mengecapi KEMERDEKAAN. Adakah kamu akan meninggalkan negara dalam keadaan TERJAJAH kepada anak cucu dan cicit demo???

Tuan, saya tak suka menyanyi, tapi senikata lagu oleh Papa rock, nama lagu saya tak ingat, tapi antara bait kata nya adalah

Sejarah mengajar kita
menjadi lebih dewasa

wassalam

By BlueGeneAuthor Profile Page on January 31, 2011 3:32 PM

Assalam alaikum

YABhg Tun dan seluruh Felo CheDet yang dihormati.

Sejarah amat penting untuk pendidikan dan pelajaran. Tetapi malangnya ia hanya diterapkan dalam pelajaran sahaja, dalam pendidikan tidak. Kita tidak hairan jika kita melihat tingkah laku dan gelagat yang tersurat dan tersirat di dalam sejarah sentiasa berulang.

Bekas Perdana Menteri British, Winston Churchill, ada berkata lebih kurang begini: "Sejarah sentiasa berulang kerana manusia tidak mahu mempelajarinya / mengambil ikhtibar darinya."

Tun, saya adalah pencinta sejarah dan selalu membuat rujukan sejarah. Sewaktu di sekolah menengah dahulu, saya suka menghafal fakta dan statistik yang dimuatkan dalam sejarah. Umpamanya teori P dan F. Sarasin bersaudara, Melayu Proto dan Duetro. Di dalam kebanyakan buku rujukan sejarah STPM, rata-rata menyokong teori ini. Tetapi kenapa di institusi-institusi pengajian tinggi, teori ini disangkal? Ini bermakna, sejarah yang kita pelajari hanya bersifat valid sementara untuk tahap sementara. Ia kemudiannya menjadi invalid apabila kita melangkah ke satu fasa. Ini adalah menyedihkan.

Kita ada banyak pakar sejarah. Saya berharap mereka ini diberi ruang dan peluang untuk membuat kajian sejarah tanah air. Rasanya banyak bahan-bahan sejarah tanah air kita terkunci kemas di perpustakaan universiti luar terutamanya di Eropah. Umpamanya perpustakaan Universiti Leiden, Belanda. Karya besar Raja Ali Haji ada di sana.

Sejarah, walaupun ia tidak pernah berbohong, tetapi manusia senantiasa berbohong. Untuk pendidikan dan pelajaran, sejarah yang sebenar sejarah-lah yang perlu diketengahkan. Bukannya sejarah yang diriwayatkan oleh para orientalis-orientalis sejarah yang buta sejarah atau memanipulasi, memspekulasi sejarah.

Adieu...

By Budi kitaAuthor Profile Page on January 31, 2011 2:02 PM

Assalamualaikum Tun

Salah satu putar belit sejarah ialah kenyataan menteri mentor Singapura Lee Kuang Yew yang mengatakan "orang melayu juga bukan penduduk asal tanah melayu" semasa itu Singapura dalam Malaysia, sebab itu beliau melaungkan Malaysian Malaysia, nak keadilan kononnya. Kalau melayu Singapura bersuara, maka alamatnya panas pungung jawabnya. Lihat buku "The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community, (KL: Oxford University Press, 2001" oleh Assoc prof Lily Zubaidah Rahim. Cakap tak sama bikin.

By zulkiflee_ArifAuthor Profile Page on January 31, 2011 1:47 PM

Assalamu'alaikum Tun,

saya rasa jawapan terhadap persoalan/tulisan Tun ada dalam satu perkataan saja iaitu **KEBERANIAN**. apabila kita Berani berterus-terang, Berani bertindak, maka tidak akan ada orang akan menidakkan Sejarah, lalu mempropagandakan sejarah versi mereka seperti yg dilakukan oleh kaum pendatang di Singapura.

Kalau Tun ada kesempatan menelaah buku-buku teks sejarah yg diwajibkan bagi sekolah-sekolah Singapura, pasti Tun akan tertawa terbahak-bahak sebab ia lebih lucu dari gabungan Mr Bean dan kumpulan Senario. ada ke patut Lim Bo Seng di anggap wira negara yg menentang tentera Jepun untuk mempertahankan Singapura?

padahal dia dan golongan nya lari bersembunyi menyelamatkan diri sebab takutkan Jepun yg memang begitu benci pada mereka. mereka melawan sebab tiada pilihan lain untuk hidup, lalu bila British membekalkan senjata, itu tidak lah menjadikan mereka sebagai pejuang mempertahankan Tanahair kita. adakah Tanahair kita perlu dipertahankan oleh orang-orang asing, yg sebahagian besar nya lari lintang pukang kebumi kita bila Jepun menyerang China?

tidak kah itu lucu? bumi mereka tidak mereka pertahankan dan lari ke Negara kita kemudian bila musuh yg sama mengejar mereka lalu menyerang kita, mereka menentang mengangkat senjata lalu dianggap sebagai wira yg mempertahankan Bumi kita dari serangan Jepun?

jika kita boleh meminjam-memakai kaedah argumentasi mereka, seharusnya kita menganggap bahwa besar kemungkinan nya Jepun tidak akan menyerang Nusantara kalau bangsa China tidak lari menyelamatkan diri ke Negara kita. sebab Jepun tak ada permusuhan dgn kita. yg mereka dendam adalah China. dan kalau pun Jepun hendak menghalau British keluar dari Nusantara, itu adalah urusan lain.

begitu lah sebagian kecil dari pemesongan sejarah yg sudah dan sedang berlaku secara senyap tapi besar-besaran didalangi oleh bangsa china yg kini menguasai Singapura. dgn wang dan kuasa, mereka berupaya memutar-belit fakta, kaum pendatang menjadi wira yg menyelamatkan Bumi dan Putra nya dari kezaliman tentera Jepun. padahal ini lah kaum yg

memiskinkan bangsa kita dgn kerakusan mereka membolot apa saja hasil bumi dan kekayaan kita sama ada melalui tipu-helah atau memperkenalkan rasuah kpd pembesar-pembesar kita.

Tun, sejarah yg kita ketahui secara umum hari ini akan hilang dan berganti dgn sejarah versi Lee Kuan Yew, yg jika hajat nya terkabul, Umno akan diceritakan semula sebagai sebuah parti perkauman yg memberontak lalu diharamkan, Parti Komunis Malaya pimpinan Chin Peng lah yg memerdekakan Malaysia. dan bangsa china berbesar hati memberi izin orang Melayu untuk terus tinggal di Malaysia, seperti yg cuba digambarkan oleh wakil-wakil LKY diblog Tun ini.

hanya dgn mendidik anak bangsa kita melalui fakta sejarah yg kita pakai sejak zaman-berzaman saja lah baru kita boleh membetulkan keadaan Negara kita tercinta ini. sejarah adalah untuk menerapkan semangat patriotik. dan semangat patriotik menimbulkan KEBERANIAN. tanpa Sejarah, tiada Semangat Patriotik. yg akan timbul hanya lah Melayu-Melayu yg melayu sebagai perosak-perosak bangsa, baik mat-rempit atau penagih dadah atau penguasa-penguasa yg rasuah.

tapi untuk mendidik Sejarah yg Betul, kita perlukan KEBERANIAN. Kerajaan perlu Berani mengetengah matapelajaran Sejarah yg Benar. dan Kerajaan perlu Berani menghukum sesiapa saja, terutama orang-orang asing, yg cuba mengingkari Sejarah Rasmi Negara. tanpa Keberanian, tiada apa lagi yg akan tinggal bagi Bangsa Melayu, sebab kita berhadapan dgn bangsa pengecut yg keberanian nya timbul bila kita tunjukkan yg kita takut. sekarang sudah bukan masa nya untuk berbudi pada orang yg tak reti bahasa, yg terus-menerus menelan budi kita sambil terus mendesak mintak lebih banyak dan pada masa yg sama menafikan dgn keras bahwa kita pernah berjasa apa-apa kpd mereka.

terimakasih Tun.

By xypher102 Author Profile Page on January 31, 2011 11:21 AM

Salam Tun, moga Tun berdua dalam keadaan sihat sejahtera. Mungkin ini off topic, tapi saya ingin merayu pada Tun, tolonglah gesa kerajaan lakukan sesuatu untuk menyelamatkan pelajar-pelajar dan rakyat kita di Mesir. Kerajaan hendak tunggu sampai keadaan jadi macam mana lagi? Adakah ketika ada pelajar kita dibunuh, baru kerajaan serius untuk mengambil tindakan? Sekarang pun ada khabar angin mengatakan ada pelajar perempuan kita di Alexandria telah dirogol... Inalillahi wainnailaihi rojiiun... Moga Allah selamatkan rakyat kita semua di sana.

By TunTuah Author Profile Page on January 31, 2011 11:20 AM

Ni boleh jadi sejarah gak.. kalau "perangai" tu tak nak ubah lah....

UMNO la ni sibuk dgn "susukan kera kat hutan" dan "anak di rumah mati kelaparan"

Org Melayu nyer problem, Umno dok endah tak endah ajer.. Pandang sepi ajer..

Cuba plak dgn kaum lain nyer problem... wah.. lompat sampai kat langit, semua jujuk dier bukak lah.. nak tolong katerner...

padahal problem yang umno ni dok lompat sampai kat langit tu bukannya problem pun.... tapi pasal kaum lain punyer hal, kalau tak settle, esok kiamat tu...

Cuba melayu nyer hal... pirah mabokkkkk.

Kalu camni lah lagaknyer.. Jadi sejarah UMNO nih...

Sikit ari aje lagi... (PRU13).....Kalu masih tak ubah, maka jadi sejarah UMNO ni nanti...

Hang Tuah ader kater:- "Takkan Melayu hilang di dunia"

TunTuah lak kater:- UMNO hilang kot... kalu masih tak ubah lah..

All these untuk UMNO. Harap Tun Dapat Sampaikan kepada mereka tu...
By mok9929Author Profile Page on January 31, 2011 11:14 AM

ini semua kerana melayu yang lemah!...tunduk kepada "pendatang asing" semata-mata hendak meraih undi mereka.....alangkah baiknya sekiranya bapa kemerdekaan TIDAK memberi kerakyatan dan hak mengundi kepada mereka, semestinya perkara sebegini tidak akan berlaku!

By naharAuthor Profile Page on January 31, 2011 9:28 AM

Salam Tun dan keluarga.

1.Tuhan(Allah) telah mengajar kita(manusia) tentang sejarah untuk panduan hidup melalui penceritaa-penceritaan di dalam EMPAT kitab yang diturunkan kepada manusia melalui perantaraan Nabi-nabi terdahulu.
<http://injil.org/Kalimatullah/revelations.html#tawrat>).

2.Al-Kitab adalah antara bukti Allah mengajar kita(manusia) tentang sejarah sebagai ilmu pengetahuan yang boleh menjadi peringatan dan panduan ummat kemudian supaya jangan jadi ummat terdahulu(telah dihancurkan Allah) yang dimusnahkan akibat kezaliman, kemungkaran, tidak mengikut peraturan kehidupan yang perlu sebagai manusia berakal seperti kaum Aad, Tsamut, Luth, Firaun dan banyak lagi yang diceritakan dalam kitab terdahulu dan juga al-Quraan.

3.Bermulanya tabiat manusia menidakkan sejarah ini telah berlaku sejak dari zama Adam lagi apabila berlakunya pembunuhan pertama manusia iaitu apabila Qabil membunuh adiknya Habil kerana tidak dapat memperisterikan Iqlima yang cantik itu dan cuba menyembunyikan bahan bukti dan fakta dari ayahnya Adam akan perbuatan pembunuhannya itu dengan menanam mayat adiknya.
<http://harmoni-my.org/arkib/kisahnabi/kisahhabildanqabilputeranabiadamas.htm>).

4.Orang Eropah mula menulis sejarah dan berbagai ilmu zaman moden ini setelah mendapat petunjuk dan ilmu dari al-kitab yang juga pernah diturunkan kepada saudara dan keturunan mereka yang berhijrah. Hingga kini mereka masih mengkaji sejarah lama tersebut (archaeology & anthropology), iaitu tentang sejarah purba dan sejarah peradaban manusia seperti yang diceritakan dalam kitab terdahulu dan juga al-Quran.

5.Kepada mereka yang cuba/ingin mengubah fakta sejarah moden ini, jangan jadi seperti orang Yahudi dan Kristian sejak dari dahulu hingga sekarang yang bersikap bongkak, tamak dan sombong ingin/cuba & telah mengubah fakta sejarah, iaitu mana-mana fakta yang tidak ikut selera atau memihak kepada mereka.

6.Perkara-perkara yang mereka tidak suka yang bertentangan dengan pemikiran dan kehendak mereka seperti apa yang telah Tuhan perintahkan dan wahyukan kepada mereka melalui Nabi dan Rasul terdahulu(sebagai umat ketika itu) telah mereka bongkar dan ketahui kebenarannya, tetapi diubah faktanya. <http://wikiislam.net/wiki/Taurat>).

<http://isaalmasih.net/indonesian/bible-isa/tawrat-zabur-injil-i.html>).

7. Contohnya "Darwin Theory" yang sengaja ditulis bertentangan dengan apa yang diceritakan dalam al-kitab berkaitan kejadian manusia dari Adam dan kesian serta bukti sejarah peninggalan Nabi-nabi di Jerusalem(Baitulmuqaddis), ayat-ayat tuhan dalam tiga kitab-kitab terdahulu telah ditukar, seperti tentang nabi Isa anak Tuhan dan malahan fakta-fakta sejarah ditempat-tempat mereka menjajah juga ada yang telah ditukar.

8. Malahan banyak lagi pembohongan mengenai fakta yang benar dan hak telah mereka tukar mengikut kepentingan dan selera mereka. Kegiatan itu terus berlaku sejak dari dahulu hingga kini seperti antaranya beberapa contoh yang Tun sendiri telah runtkaikan melalui tulisannya dalam blog cekdet ini.

9. Antara kitab terdahulu Taurat(torah/tawrah), Zabur(zimra/psalm), Injil(bible) & al-Quran(al-Furqan) yang mana didalamnya terdapat banyak sumber sejarah untuk panduan dan membimbing manusia ke arah kehidupan yang mulia melalui amalan beragama yang mana didalamnya terdapat penceritaan-penceritaan dan kisah-kisah kesilapan orang-orang terdahulu yang menjadi iktibar kepada kita umat kemudian sebagai panduan dan pengajaran.

<http://www.al-kitab.org/webkitab/preface.htm>).

10. Sejarah adalah bahan bukti yang amat penting dan malahan boleh digunapakai dalam menyelesaikan permasalahan ilmu moden bagi merungkai permasalahan manusia. Contoh umpamanya dalam bidang perubatan untuk "diagnostic" sesuatu penyakit seseorang, data atau sejarah lampau tentang dirinya dan keluarganya perlu diambil kira dan direkodkan untuk tujuan diagnosis.

11. Begitu juga dalam bidang perundangan. Sejarah lampau yang dilakukan seseorang akan menjadi bukti kuat untuk mengaitkan kesalahan seseorang. Contohnya, seperti kes liwat DSAI. Sejarah perlakuan seseorang adalah sebagai salah satu contoh yang boleh dijadikan bahan fakta (bersama bukti lain) yang amat berguna untuk tujuan penghakiman yang hendak diputuskan.

12. Sebenarnya, apa-apa ilmu yang kita pelajari, yang kita kaji dan yang kita bongkar, ada hubung kaitnya dengan sejarah. Sama ada ilmu matematik, sains(fizik/kimia/biology/atom etc.) dan sebagainya ada kaitnya dengan ilmu sejarah juga. Ilmu yang manusia kaji dan bongkar itu adalah ilmu ciptaan Allah yang telah tertulis di LohMahfuz dan telah menjadi sejarah penciptanya tentang apa yang telah ditentukannya terhadap sesuatu kejadian dan hukum alam itu, terutama semasa mencipta dan menjadikan alam semester ini.

13. Umpamanya tidak pernah dalam sejarah 2 + 2 jumlahnya 3 atau 5, tetapi tetap 4 kerana itu ketentuan Allah dari dulu hingga sekarang, kecuali dengan izinnya. Demikian juga dengan tindak balas kimia seperti asid tertentu bertindak balas dengan atom logam tertentu akan menghasilkan tenaga elektrik dan keadaan itu tidak pernah berubah kerana sejarah penciptaannya oleh Allah memang telah ditentukan begitu, dan banyak lagi contoh yang boleh kita perhatikan sebagai iktibar.

14. Sesuatu yang telah menjadi sejarah tetap akan menjadi sejarah. Sejarah tidak menipu kecuali manusia memindanya. Sesuatu kejadian yang telah berlaku atau apa yang telah manusia lalui dan lakukan(baik/buruk) ia tetap telah berlaku dan tetap akan jadi sejarah, tidak boleh dipinda lagi dan telah terakam di LohMahfuz (di pangkalan data Universe ciptaan Tuhan sebagai bukti yang akan ditayangkan semula pada hari pembalasan).

15. Walaupun di dunia ini kita cuba untuk menidakkannya dengan cuba meminda faktanya, sebenarnya itu adalah kerja-kerja orang munfaik yang tidak mahu menerima kebenaran dan hakikat. Kerana itu adalah sikap kebanyakan manusia dari dahulu hingga kini yang memang tidak mahu mengaku perbuatan, kesalahan dan keburukan masa lampau. Siapa yang mahu mengaku berak ditepi jalan??.

Tq Tun.

By al-DinAuthor Profile Page on January 31, 2011 9:14 AM

Islam hadhari was history. It is not historical and so is the originator. One can only dream but not make history in sleep. It is when you dream during the day like Lawrence of Arabia that history maketh. For good or bad he had to bring changes to a decadent Ottoman empire and carved the map of the Arab world to their (British) favour.

The Muslim rule of Andalus (Spain) lasted for over 700 years. Granada, the last stronghold of the Moors capitulated to the Spanish army in 1492. Thousands of lives had perished. Al-Hambra, the resplendent palace was lost. Over 1,005,000 volumes of works on Moorish culture had been burnt. Ferdinand, the King of Spain issued an edict of expulsion that sent 100,000 Jews to Portugal.

Abu `Abdullah, the last Khalif of Granada, Spain was fleeing in exile to Morocco in January 1492. The mother of the Khalif scolded his son, "Do not weep like a woman for what you could not defend like a man!"

By naharAuthor Profile Page on January 31, 2011 7:54 AM

Salam Tun dan keluarga.

1. Tuhan (Allah) telah mengajar kita (manusia) tentang sejarah untuk panduan hidup melalui penceritaan-penceritaan di dalam EMPAT kitab yang diturunkan kepada manusia melalui perantaraan Nabi-nabi terdahulu.
<http://injl.org/Kalimatullah/revelations.html#tawrat>).

2. Al-Kitab adalah antara bukti Allah mengajar kita (manusia) tentang sejarah sebagai ilmu pengetahuan yang boleh menjadi peringatan dan panduan ummat kemudian supaya jangan jadi ummat terdahulu (telah dihancurkan Allah) yang dimusnahkan akibat kezaliman, kemungkaran, tidak mengikut peraturan kehidupan yang perlu sebagai manusia berakal seperti kaum Aad, Tsamut, Luth, Firaun dan banyak lagi yang diceritakan dalam kitab terdahulu dan juga al-Quraan.

3. Bermulanya tabiat manusia menidakkan sejarah ini telah berlaku sejak dari zama Adam lagi apabila berlakunya pembunuhan pertama manusia iaitu apabila Qabil membunuh adiknya Habil kerana tidak dapat memperisterikan Iqlima yang cantik itu dan cuba menyembunyikan bahan bukti dan fakta dari ayahnya akan perbuatan pembunuhannya itu dengan menanam mayat adiknya.
<http://harmoni-my.org/arkib/kisahnabi/kisahhabildanqabilputeranabiadamas.htm>).

4. Orang Eropah mula menulis sejarah zaman moden ini setelah mendapat petunjuk dan ilmu dari al-kitab yang juga pernah diturunkan kepada saudara dan keturunan mereka yang berhijrah. Hingga kini mereka masih mengkaji sejarah lama tersebut (archaeology & anthropology), iaitu tentang sejarah purba dan sejarah peradaban manusia seperti yang diceritakan dalam kitab terdahulu dan juga al-Quran.

5. Kepada mereka yang cuba/ingin mengubah fakta sejarah moden ini, jangan jadi seperti orang Yahudi dan Kristian sejak dari dahulu hingga sekarang yang bersikap bongkak, tamak

dan sombong ingin/cuba & telah mengubah fakta sejarah, iaitu mana-mana fakta yang tidak ikut selera atau memihak kepada mereka.

6.Perkara-perkara yang mereka tidak suka yang bertentangan dengan pemikiran dan kehendak mereka seperti apa yang telah Tuhan perintahkan dan wahyukan kepada mereka melalui Nabi dan Rasul terdahulu(sebagai umat ketika itu) telah mereka bongkar dan ketahui kebenarannya, tetapi diubah faktanya. <http://wikiislam.net/wiki/Taurat>).
<http://isaalmasih.net/indonesian/bible-isa/tawrat-zabur-injil-i.html>).

7.Contohnya "Darwin Theory" yang sengaja ditulis bertentangan dengan apa yang diceritakan dalam al-kitab berkaitan kejadian manusia dari Adam dan kesan serta bukti sejarah peninggalan Nabi-nabi di Jerusalem(Baitulmuqaddis), ayat-ayat tuhan dalam tiga kitab-kitab terdahulu telah ditukar, seperti tentang nabi Isa anak Tuhan dan malahan fakta-fakta sejarah ditempat-tempat mereka menjajah juga ada yang telah ditukar.

8.Malahan banyak lagi pembohongan mengenai fakta yang benar dan hak telah mereka tukar mengikut kepentingan dan selera mereka. Kegiatan itu terus berlaku sejak dari dahulu hingga kini seperti antaranya beberapa contoh yang Tun sendiri telah runtkaikan melalui tulisannya dalam blog cekdet ini.

9.Antara kitab terdahulu Taurat(torah/tawrah), Zabur(zimra/psalm), Injil(bible) & al-Quran(al-Furqan) yang mana didalamnya terdapat banyak sumber sejarah untuk panduan dan membimbing manusia ke arah kehidupan yang mulia melalui amalan beragama yang mana didalamnya terdapat penceritaan-penceritaan dan kisah-kisah kesilapan orang-orang terdahulu yang menjadi iktibar kepada kita umat kemudian sebagai panduan dan pengajaran.
<http://www.al-kitab.org/webkitab/preface.htm>).

10.Sejarah adalah bahan bukti yang amat penting dan malahan boleh digunapakai dalam menyelesaikan permasalahan ilmu moden bagi merungkai permasalahan manusia. Contoh umpamanya dalam bidang perubatan untuk "diagnostic" sesuatu penyakit seseorang, data atau sejarah lampau tentang dirinya dan keluarganya perlu diambil kira dan direkodkan untuk tujuan diagnosis.

11.Begitu juga dalam bidang perundangan. Sejarah lampau yang dilakukan seseorang akan menjadi bukti kuat untuk mengaitkan kesalahan seseorang. Contohnya, seperti kes liwat DSAI. Sejarah perlakuan seseorang adalah sebagai salah satu contoh yang boleh dijadikan bahan fakta (bersama bukti lain) yang amat berguna untuk tujuan penghakiman yang hendak diputuskan.

12.Sesuatu yang telah menjadi sejarah tetap akan menjadi sejarah. Sejarah tidak menipu. Sesuatu kejadian yang telah berlaku atau apa yang telah manusia lalui dan lakukan(baik/buruk) ia tetap telah berlaku dan tetap akan jadi sejarah, tidak boleh dipinda lagi dan telah terakam di LohMahfuz (di pangkalan data Universe ciptaan Tuhan sebagai bukti yang akan ditayangkan semula pada hari pembalasan).

13.Walaupun di dunia ini kita cuba untuk menidakkannya dengan cuba meminda faktanya, sebenarnya itu adalah kerja-kerja orang munfaik yang tidak mahu menerima kebenaran dan hakikat. Kerana itu adalah sikap kebanyakan manusia dari dahulu hingga kini yang memang tidak mahu mengaku perbuatan, kesalahan dan keburukan masa lampunya. Siapa yang mahu mengaku berak ditepi jalan.??

Tq Tun.

By al-DinAuthor Profile Page on January 31, 2011 12:19 AM

The Malays are among the original people of Nusantara. DNA profiling would further help to establish the inter-connectedness of the various races, ethnics, tribes of the Malay Archipelago. Much have been written about the region and who's who in Nusantaran historiography (partial) is given below:

Antiquity - Ivor HN Evans, Thomas Braddell, Tom Harrisson, Wilhelm G Solheim, Paul Wheatley, Brian AV Peacock, Peter Bellwood

History - RO Winstedt, W Linehan, KG Tregoning, Frank Swettenham, Buyong Adil, Khoo Kay Kim, Muhd Yusof Ibrahim, Muhammad Yusoff Hashim, Zainal Abidin Abdul Wahid, JM Gullick, Abdullah Zakaria Ghazali, A Talib Ahmad

Culture - WE Maxwell, RJ Wilkinson, RO Winstedt, Ivor HN Evans, Hugh Clifford, Abdullah Sidek, Shamsuddin Saleh, Mohd Taib Osman, S Singaravelu, Abdul Latiff Abu Bakar, Hashim Awang, AR, Ismail Hamid, Zaharah Taha

Literature - Pramoedya Ananta Toer

Education - Za'aba, Awang Had Salleh

Islam - Haji Abdul Malik bin Abd Karim Amrullah (HAMKA), Syed Shaykh al-Hady, Wan Muhd Saghir Abdullah, Syed Muhammad Naguib al-Atas, Shafie Abu Bakar

Agriculture - IH Burkill, HN Ridley

Politics - William R Roff, Mohammad Redzuan Othman, Abdullah Zakaria Ghazali

Ethnomedicine - JD Gimlette

Orang Asli - Ivor HN Evans, JR Logan

Melanau - George Jamuh

Iban & others - Ivor HN Evans, Benedict Sandin, Anthony JN Richards, J Derek Freeman

Sarawak - Robert Nicholl, Tom Harrisson, Nicholas Tarling, RH Reece

Brunei - William H Treacher, Robert Nicholl, Donald E Brown, Awang Mohd Jamil al-Sufri

Srivijaya - Slametmuljana

Barus - Jane Drakard

Java - Douwe A Rinkes, Merle C Ricklefs, GWJ Drewes

Acheh - Teuku Iskandar, Anthony Reid, A Hasjmy

Minangkabau - Umar Junus, RO Winstedt, Norhalim Ibrahim

Riau - Raja Ali Haji ibn Ahmad, Abu Hassan Mohd Sham

Sulawesi - Christian Pelras

Maluku - James T Collins

Moro - Gregorio F Zaide, CA Majul, Najeeb M Saleeby

Patani - Kobkua Suwannathat-Pian, Chandran Jeshrun, Nik Anuar Nik Mahmud
By mgpunyaAuthor Profile Page on January 30, 2011 9:11 PM

YABhg Tun,

...and who discovered America..???
..of course..not the Red Indians!!!

By melayurayaAuthor Profile Page on January 30, 2011 8:34 PM

Yg Dihormati Tun,

Sejarah menceritakan jatuh bangunnya tamadun bangsa. Jadi mengapa kita harus takut menyatakan kebenaran sejarah? Kenapa kita begitu lemah mahu mempertahankan sejarah bangsa sendiri? Lihat saja kerana sebuah buku yang 40 tahun lalu diterbitkan, sekarang kita dah jadi nanar, nanyuk, melatah, ketar lutut dan tenggelam punca kerana mahu memenuhi cita rasa kaum tertentu!! Mengapa takut kalau itu adalah sejarah dan sudah pun ditulis!
Tun,

Di Malaysia atau dulunya Tanah Melayu banyak fakta sejarah yang kita tidak tulis atau berselindung jika pun mahu ditulis. Puncanya kerana menjaga keharmonian kaum. Sejarah sebaliknya, tidak mengenalbatasan kaum, bangsa, puak, warna kulit malah agama sekali pun! Siapakah yang berani menafikan sejarah? Jadi mengapa kita harus menipu sejarah demi menjaga hati pihak- pihak tertentu!

Tun,

Jika kita semak buku sejarah untuk anak-anak kita atau pun buku sejarah, fakta sejarah yang sensitiviti kaum hanya ada sepintas lalu atau tidak dicatit langsung! Sedangkan ini adalah faktor sejarah yang patut diketahui oleh jenerasi akan datang tanpa berselindung! Ini Supaya jenerasi baru tahu apa yang berlaku dan menghormati sesama kaum, celik sejarah, tahu asal usul, peka dan bukan pekak sejarah dan tahu dimana bumi dipijak dan disitulah langit yang harus dijunjung!

Sekadar beberapa Fakta sejarah yang mahu dilupakan untuk renungan!!

1. Kekejaman Komunis Bintang Tiga selama beberapa bulan selepas Jepun menyerah kalah! Perlu paparkan dalam sejarah.
 2. Kejadian 'Hartal' pada tahun 1967 di Pulau Pinang oleh peniaga dan kaum tertentu kerana tidak mahu menerima wang kertas gambar DYMM Yg Di Pertuan Agung mengganti wang kertas Kapal Layar untuk satu ringgit, lima ringgit dan sepuluh ringgit gambar Queen dan sawah padi warisan penjajah dan sebagainya. Mereka menconteng wang kertas tersebut kerana tak mahu guna wang ada gambar raja Melayu! Telah terjadi beberapa rusuhan.
 3. Peristiwa 13 Mei 1969. Siapa dalang dan Puncanya dan kesannya perlu dimaklum pada generasi muda sebagai satu iktibar bukan menyembunyikan nya!
- Semuga peristiwa 'Interlok' yang memalukan penulis sastera Melayu tidak berulang dan menular kepada kesusasteraan Melayu yang lain!

By pppzAuthor Profile Page on January 30, 2011 5:02 PM

Salam YAB Tun,

Sifat ingin tahu sesuatu perkara atau kejadian yang telah berlaku dahulu kala mendorong

manusia mengumpulkan fakta-fakta sejarah untuk dibukukan menjadi tatapan generasi seterusnya agar mengambil iktibar dan pelajaran daripadanya.

Tiada guna dan tiada faedah mempelajari dan menghafal fakta-fakta sejarah yang tidak benar 100%, walaupun 99% daripada fakta-faktanya adalah benar dan hanya 1% tidak benar; sebab kebenaran itu mestilah 100% tepat.

Untuk mendapat sesuatu berita yang 100% tepat mengenai sesuatu sejarah melalui penulisan adalah agak mustahil kerana dipengarugi oleh berbagai-bagai faktor harus diambil kira seperti nama, tempat, tarikh dan masa, dll. Juga harus diambil kira siapa penulisnya serta kesahihan bahan-bahan rujukannya.

Kita sendiri sebenarnya harus bertanggungjawab memastikan setiap fakta itu adalah tepat, benar serta memuaskan hati dan ini semestinya memerlukan kerajinan, minat mendalam serta kesungguhan kita sendiri untuk mencari kebenaran demi mencintai keadilan dan kesaksamaan agar akhirnya tidak kita menzalimi sesiapa.

Segala fakta-fakta sejarah atau apa jua butiran maklumat itu haruslah kita sahkan dahulu, ditapis, disusun secara teratur mengikut turutan yang betul tanpa percanggahan sebelum akhirnya diisi kedalam kotak minda kita dan jangan sekali-kali mudah mempercayai atau terpengaruh dengan sesiapa pun tanpa bukti-bukti yang jelas dan kukuh.

Kerja kita hanya memastikan segala yang hendak disimpan atau dihafal itu adalah 100% tepat dan benar sahaja, kalau tidak akibatnya lambat laun keyakinan kita sendiri terhadapnya tidak akan boleh bertahan lama dan ini akan menyebabkan kita mudah terpengaruh. Jestru segala percakapan, alasan atau hujah-hujah kita mengenai sesuatu perkara itu sentiasa dipersoalkan dan diragui.

Insyallah, jika kita sentiasa ingat dan amalkan petua ini, kita pasti akan menjadi orang yang lebih alim dan arif dan tidak menjadi orang-orang yang jahil dan ingkar. Semoga kita semua menjadi manusia yang celik didunia dan diakhirat dan sentiasa mencintai kebenaran.

Wassalam.

By AntikaisuAuthor Profile Page on January 30, 2011 1:42 PM

Salam Tun yang dikasihi,

Sejarah adalah fakta, yang tidak boleh diubah sesuka hati atau di pergaruhi sentimen politik sampai bila-bila pun.

Orang yang mengubah fakta sejarah adalah penipu dan jahil.

Syabas Tun.! seorang pemimpin dan negarawan Islam yang terbilang, berani dan mempunyai pandangan yang jauh. Hanya orang-orang kafir saja yang menafikan kenyataan beliau.

Malaysia sebuah negara maju, aman dan menjadi contoh negara islam adalah lahir daripada pemikiran dan usaha beliau selama 22 tahun memimpin Malaysia.

By GongPauhAuthor Profile Page on January 30, 2011 11:16 AM

Kesilapan dalam pembelajaran kita bermula sejak lebih dari 20 tahun dulu bila penekanan aliran sains bagitu mendalam seolah olah aliran sastera dia tempat dalam pekerjaan.

Sekarang tiba masa nya kementerian membuat keseimbangan sukatan pembelajaran supaya rakyat negara ini faham asal usul keturunan, kebudayaan dan arah tuju supaya generasi tidak lupa dan mengulangi kesilapan yang sama seperti mana kata Tun.

Contoh ...ada kaum yang tak faham kenapa nenek moyang mereka dulu datang ke Tanah Melayu, adakan datang untuk bersiar-siar makan angin?
By 6 JahanamAuthor Profile Page on January 30, 2011 10:24 AM

Saya Tertarik pada liputan di berita,baru ini 1 Asia.
Ia menunjukkan kumpulan,dari India,Malyasia,Jepun menziarah Palestin.Dan Mejujukan Kesengsaraan di Palestine.

Kita perlu BERSATU.Untuk tujuan kita.
Bersatu kita ada suara.
Bersatu ada Kesannya.
Mari Kita Giatkan lagi 1 Asia.
Bagi MENCAPAI matlamat kita.
JIKA PERLU Bertempur dengan Israel atau Singapura,sekutu KUTU BABI,
KITA PERLU BERSATU.
By moshamoaliAuthor Profile Page on January 30, 2011 12:07 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun, semoga dilindungi Allah s.w.t selalu hendaknya.Saya memang bersetuju 100% dgn pandangan Tun berkenaan sejarah ini. Saya tahu tulisan Tun kali ini adalah berdasarkan respon kerajaan terhadap novel Interlok yg telah diterbitkan selama 40 tahun. Kalau macam tu la tindakan kerajaan, perkataan2 yg di dalam kamus pun hendaklah disemak semula agaknya demi menjaga sensitiviti kaum. Kalau lepas ini, orang India di Melaka berdemonstrasi utk tukar nama tempat Tanjung Keling, bagaimana pula? Saya perhatikan kerajaan 1 Malaysia pimpinan Najib ini terlalu lemah. Asyik nak menjaga hati orang Cina dan India. Pantang diugut, lemah lutut jadinya.
By ekomputeAuthor Profile Page on January 30, 2011 12:01 AM

Reene007 says: "But teenagers now has no interest whatsoever in learning history because they can't relate it to the present world. It is so archaic that they thought Parameswara is a joke or something."

Well, I think these teenagers are right. For one, so little is known about Parameswara. When did he come to the Peninsular? Some say 1400, some say 1402, and now the latest "finding" by so-called local experts is that he came in 1300. According to some sources, Parameswara was born in 1344. If this is true, then our latest finding clearly shows that Parameswara came to the Peninsular some 40 odd years before he was born!

According to the Sejarah Melayu, Parameswara was a descendant of Raja Iskandar Dhul-Qarnayn (Iskandar of the two horns). Some people believed that Raja Iskandar is actually Alexander the Great because archaeologists have found a large number of different types of ancient coins depicting Alexander the Great with two horns. If this is true, am I to infer that Parameswara is a pendatang Eropah?

Some say that Parameswara embraced Islam but others refuted it, saying that it was Raja Tengah, the third ruler of Melaka, who did so (and took the title of Sultan Muhammad Shah) in order to marry a Tamil Muslim wife.

The Sejarah Melayu also says that Rajah Chulan, a South Indian king, had a son called Sang Nila Utama who became the ruler of the Indianised Srivijaya Empire in Sumatra. Now,

Paramewara was also a Srivijayan prince. And when you add two and two together, you inevitably come to the conclusion that Parameswara was not only a Hindu, but also an Indian.

But this is not what I learned when I was in school. Now, if we can't even trust the Sejarah Melayu, who or what can we trust? It would be a big joke to pretend that we know who Parameswara is, and me think teenagers are pretty smart these days to take Parameswara too seriously. By treating Parameswara as a joke, they are showing us that they are pretty much smarter than we are. And we have to give them credit for already knowing what Tun is trying to say in this post, i.e. more often than not, historical facts does not reflect the truth. I would even go further as to say that history is nothing more than a pack of lies to further one's self interest.

By shahiranAuthor Profile Page on January 29, 2011 9:02 PM

Ini lah akibat jika semua hal dipolitikkan. Bila 1/3 berita berkisar politik, kita tahu bagaimana realiti sebenar negara kita.

By Abdullah Chek SahamatAuthor Profile Page on January 29, 2011 7:47 PM

Tulisan Tun saya berkira berkias kepada kemelut dari langkah Kementerian Pendidikan untuk menjadikan buku Interlok tulisan Abdullah Husain sebagai kajian sastera Tangkatan Menengah. Saya sudah membaca buku itu. Saya dapati ianya sebuah buku perbandingan budaya dan pemikiran masyarakat kita pra-kemerdekaan yang perlu semua baca dan teliti gar tidak terulang lagi khususnya sifat-sifat mengalah orang Melayu sehingga membawa kepada kegagalan berpanjangan kita.

(2) Saya berkira, dalam mengkaji Interlok, jika para guru perlu terus bersikap rasional, tidak memihak, hanya menjalankan tugas untuk mengalakkan percambahan fikiran, serta memandu para pelajar dalam perkara akademik tanpa terbawa-bawa soal emosi dan predudis, saya berkira tiada masalahnya kita mengkaji tulisan ini.

(3) Saya ingin mengucapkan syabas kepada Abdullah Husain kerana boleh mengarang buku berasaskan sejarah latar budaya tiga keluarga lambang tiga bangsa negara. Saya juga meminta agar Kementerian Pendidikan bertegas dalam soal yang boleh membawa kebaikan kepada pembinaan negara. jangan dok lembik lutut....nak sebut lembik lain sensitif pula!

By arianAuthor Profile Page on January 29, 2011 7:19 PM

Assalamualaikum ayahanda Tun yang dikasihi,
Memang benar kata Tun.....kenapa perlu disorokkan fakta dalam sejarah? Kita hendaklah dengan hati terbuka menerima hakikat fakta yang terukir dalam sejarah. Apa yang penting ialah bagaimana ia dipersembahkan kepada generasi kini dan akan datang. Jika ia dipersembahkan dalam bentuk menghina....maka sudah tentu ia tidak baik untuk sesiapa sahaja. Jika fakta fakta tersebut dipersembahkan dengan jujur dan berhemah...sudah pasti ia diterima baik. Dalam masa yang sama....janganlah SAMPAH-SAMPAH POLITIK mempolitikkan fakta sejarah sehingga menyemarakkan kemarahan pihak terlibat.
Sekain Wassalam

Tq Tun.....moga Allah melindungi dan terus memanjangkan usia Tun.

By pasprosAuthor Profile Page on January 29, 2011 4:49 PM

tun,

saya rasa sungguh sedih bila baca berita tunjuk perasaan di negara timur tengah. sentimen ini dirasai kerana timur tengah adalah imej islam kerana majoriti penduduknya adalah orang arab beragama islam. mereka tunjuk perasaan kerana nak gulingkan pemimpin dari kalangan arab sendiri yg rasuah atau diktator yg dibenci rakyat. soalnya mengapa

pemimpin arab islam rasuah? atau diktator?. tak adakah pemimpin baik disana yg disenangi seperti di england, jerman, prancis atau dinegara eropah lain. setahu saya di eropah zaman ini tak ada pun gerakan itu kecuali era kejatuhan komunis di rumania, poland, jerman timur, yugoslavia dll setelah kejatuhan komunis di ussr (russia)tidak lama dulu. yang menjadi mangsa adalah rakyat yg rata2 masih miskin dan juga imej islam dikacamata dunia. bagi saya negara2 islam, baik di asia barat, tengah mahu pun di timur perlukan keamanan supaya kita dapat merancang ekonomi, pelajaran dan mewujudkan peluang2 penghidupan yg lebih baik kepada rakyat. negara islam perlu keamanan lebih dari negara2 barat supaya kita dapat kejar kemajuan yg telah kita hilang sekian lama. dengan keamanan kita dapat mengumpul kekuatan yg telah kita hilang kerana asyik berbalah sesama sendiri. saya mengesyaki bahawa apa yg berlaku itu adalah hasil perancangan yahudi yg inginkan ia berlaku begitu dengan menyokong pemimpin2 arab yg cetek fikiran sepertimana lee kuan yew dan al gore menyokong pemimpin2 pembangkang malaysia seperti nik aziz dan anuar ibrahim.

By pasprosAuthor Profile Page on January 29, 2011 4:15 PM

tun,
boleh ke tun nasihatkan menteri dan timbalan menteri dalam negeri supaya jangan jadikan pemberian kerakyatan malaysia kepada pendatang asing dari china untuk pancing undi orang cina, pemberian kerakyatan kepada pendatang dari india untuk pancing undi orang tamil sokong BN. tak ada negara lain buat macam ni kecuali malaysia. jangan ikut macam nik aziz yang sanggup pasang lilin sembahyang ikut cara buddha kerana nak minta sokongan untuk parti pas.

By nadzriAuthor Profile Page on January 29, 2011 2:37 PM

Jangan kita jadikan sejarah untuk ditulis bagi menjaga kepentingan tertentu.

Biarkan sejarah ditulis dengan kebenaran, bukan direka-reka. Jika tidak, ia hanyalah sebuah cerita dongeng, terawang-awang dan fantasi.

Generasi sekarang dan akan datang perlu tahu fakta sejarah supaya mereka dapat belajar perkara yang benar.

By al-DinAuthor Profile Page on January 29, 2011 2:35 PM

History is in the making in the Arab/Muslim world - Tunisia, Algeria, Egypt, Yemen, Albania, Sudan. For many years their leaders turned deaf ears to the needs of the people. They become arrogant. People are fed up with them. Food, justice and freedom are what they want very badly.

Mubarak has elevated himself to a pharaoh. His heart is of stone to close Rafah and deny Palestinians to get supplies. Mahmoud Abbas is willing to kill his own people. Both of them are conspirators of Israel- U.S.

Let the riots be a warning to other Muslim countries Malaysia included. Ordinary people cannot achieve high income economy but want affordable food supplies. Don't let your deaf ears put this country in flame.

Muslim leaders are a sorry lot. History is in riot. The ink has not dried up yet.

By khairi aliAuthor Profile Page on January 29, 2011 1:52 PM

Assalamualaikum Tun, : berikut ialah e mel saya mengenai Sejarah Malaysia (maaf ya, nama Tun pun ada dalam pos ini):

Re: KEANGGOTAAN MPPK

...

From:

mohd khairi wan ali [Chat now]

...

Add to Contacts

To: Othman Baba

Cc: Feriz Omar ; info@1malaysia.com.my; drabdullahsudin@yahoo.com;
drosely@hotmail.com; johariismail35@gmail.com; Tan Sri Ismail Hussein
Walaikumussalam,

Tkasih.

Untuk makluman, Sdr Feriz dalam e mel itu, adalah SU Khas ke TPM.

Malah pihak PM pun dapat e mel ini, kerana saya berdaftar dengan blog PM.

Sekian. Wassalam.

From: Othman Baba

To: mohd khairi wan ali ; feriz omar ; abdullah firdaus ; melgape ; info@1malaysia.com.my

Cc: datoseri andalas ; Abdullah Sudin ; drosely

Sent: Tue, November 9, 2010 10:03:33 PM

Subject: RE: KEANGGOTAAN MPPK

Askm, Sdr Khairi,

Saya faham benar apa yg Sdr perkatakan. Memang benar, perkara ini sepatutnya melibatkan wakil2 daripada setiap lapisan masyarakat yang terbukti "integriti" mereka. Janganlah perkara semutahak ini diserahkan bulat2 kepada "pakar2" akademik sahaja.

Mungkin tidak terlambat utk Sdr Khairi menyampaikan pendapat/concern Sdr kepada TPM. Bagaimana? Saya ras Sdr lebih maklum. Jangan berputus asa., Insya'allah, berdoalah dan Allah akan menolong.

Othman

Date: Tue, 9 Nov 2010 01:21:58 -0800

From: mohdkhairi_wanali@yahoo.com

Subject: KEANGGOTAAN MPPK

To: feriz.omar@gmail.com; firdausabdullah44@gmail.com; melgape@pd.jaring.my;
info@1malaysia.com.my

CC: datoseriandalas@yahoo.co.uk; drabdullahsudin@yahoo.com; drosely@hotmail.com

Dr. Wan Mohd Zahid Pengerusi MPPK

09/11/2010 2:26pm

Putrajaya 9 Nov. — Kementerian Pelajaran hari ini mengumumkan pelantikan Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK).

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin berkata selain Dr Wan Mohd Zahid yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), enam lagi pakar akademik turut dilantik menganggotai majlis itu.

Mereka ialah Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim; Timbalan Naib Canselor INTI International University, Prof Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid; Profesor Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Datuk Dr. Sidek Baba.

Pengerusi Cempaka International School, Datin Freida Mohd Pilus; Pengerusi Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak, Datuk Dr. Adi Badiozaman Tuah dan Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah & Penyelidikan), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian.

Selain itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Dr. Rosli Mohamed dan Ketua Pengarah Pelajaran Datuk Abdul Ghafar Mahmud juga dilantik sebagai anggota MPPK, kata Muhyiddin selepas mempengerusikan buat pertama kalinya mesyuarat majlis berkenaan di sini. — Bernama

=====

SENARAI YANG SEPERTI INILAH YANG MENGUSARKAN SAYA : SEJARAH YANG DITULIS OLEH AHLI AKADEMIK!

HARAP SAUDARA SEMUA PERGI KE UM DAN CARI DALAM PERPUSTAKAAN NAMA SAYA. PASTI AKAN JUMPA KAJIAN SEJARAH YANG TELAH SAYA LAKUKAN DALAM TAHUN 1973.

TAPI SAYA TIDAK MAHU CERITA PANJANG. SAYA HANYA HENDAK KATAKAN SEJARAH YANG BAKAL DIKELUARKAN UNTUK HADAMAN MURID, PELAJAR ATAU PUN MAHASISWA DAN UMUM, ADALAH SEJARAH YANG TIDAK BERROH.

SEWAJARNYA MEREKA YANG TERLIBAT DALAM TENTERA DAN POLIS, SERTA PERKHIDMATAN AWAM, YANG MASIH HIDUP, YANG MASIH REAL, DAN MEMPUNYAI INGATAN TENTANG SEJARAH MODEN, KHUSUSNYA SEBELUM MERDEKA DAN PASCA MERDEKA, DIBERIKAN PERANAN UNTUK MEMBERI ROH KEPADA SEJARAH MALAYSIA. DAN TENTUNYA TIDAK TERTINGGAL IALAH TUN MAHATHIR (SILA RUJUK DALAM BLOGNYA CHEDET). itu belum lagi di masukkan para ulamak tanahair.

SAYA TIDAK INGIN SEJARAH MALAYSIA DI MANIPULASI DAN DI EKSPLOITASI OLEH 'KONONNYA' KEPENTINGAN POLITIK SEMASA TANAHAIR!

BAYANGKAN, BILA BUKU BARU SEJARAH DIKELUARKAN, DAN WARGA POLITIK, MEMPOLITIKKANNYA, APA AKAN JADI PADA WARGA MALAYSIA, KHUSUSNYA, GEBNERASI BARU? DAN TERPENTINGNYA SIAPA YANG AKAN MELUNASKAN TANGGUNGJAWAB ITU, SEKIRANYA MEREKA BERADA DI NEGERI PEMBANGKANG? DAN DI NEGERI KERAJAAN PULA TIADA SEMANGAT UNTUK MEMPERKATAKAN TENTANG SEJARAH?

SEKIAN DULU.

By solve_itAuthor Profile Page on January 29, 2011 1:38 PM

zaman penjajah, mereka pandai melihat kelemahan dan menggunakan taktik sesuai untuk menawan.

secara umumnya org melayu adalah peramah dan baik namun terdapat beberapa kelemahan yg ketara antaranya iaitu mudah dibuat supaya marah atau mengamuk. org melayu bangga bila mengamuk kerana terasa seperti gagah tanpa menyedari itu sebenarnya kelemahan. bila marah kita kurang fikir, hilang diri dan akan kalah. kita guna keris org guna senapang, kita guna silat org guna taktik, kita guna kekuatan org guna akal...siapa jadi bos?

satu lg melayu malas dan jika ingin jd bos kepada melayu anda hanya perlu memastikan supaya mereka tidak perlu kerja keras. yg penting jgn suruh mereka kerja keras. jika syarat ini dapat dilakukan maka tidak mustahil jadi bos kpd melayu. senang bila tak perlu kerja keras tp siapa jd bos? klu tak silap sbb ingin senang tanpa kerja keras tu yg dah bangsa dan negara boleh tergadai.

muslihatnya ialah buat seperti terasa bagus tetapi bila mkn umpan akan jadi mangsa. umpan nya ialah buat mereka rasa ego gagah dan senang pula tak perlu kerja keras. org marah tp malas kerja akhirnya gadai bangsa dan negara.

kita benci singapura angkuh tapi mereka rajin. kita kutuk mereka sekali pun kita tahu kita kalah sbb kita tau marah je dan malas.

By lemand64Author Profile Page on January 29, 2011 1:00 PM

Tun,

Susulan dari topik sejarah yang Tun bicarakan,saya rasa sesuai juga dikaitkan dengan isu yang meletus baru-baru ini.INTERLOK.

Dengar khabar,kerajaan akan terus guna sebagai teks di sekolah.Pindaan tertentu akan dibuat atas protes sekelompok manusia baru-baru ini.Perihatin sungguh kerajaan Najib ni.

Interlok akan menjadi sejarah.Interlok versi baru bukanlah sebenar Interlok.Ianya palsu.Sama dengan Perang Waterloo.Rupanya sanggup juga penulis novel tersebut izinkzn.

Lepas ini,perelokkan sejarah pemerintahan Pak Lah agar kelihatan sebagai tokoh terhebat Malaysia;melayu khasnya.

By jollyAuthor Profile Page on January 29, 2011 12:35 PM

Salam Tun,

If I put together similar passages found in the other sources authored by the witnesses who are of different background, the message will become even more clear.

However, if somebody comes and says, hey, there are some slight variations in the text, and starts diverting people's attention from the main message that the Originator tried to convey, then,

The following quotation helps in keeping these "somebodies" at bay:

"Keep reminding them of these things. Warn them before God against quarreling about words; it is of no value, and only ruins those who listen."

The same may apply to history books compilation process.

Compile together as many reliable and agreeable sources as possible, though slight variations may exist, and search, for the main message.

There is no other choice for we are all humans, and to err is human.
By jollyAuthor Profile Page on January 29, 2011 12:24 PM

Salam Tun,

One of the shortcoming in human communication is we like to pick out of context speeches. The danger is, if the reader doesn't care about the bigger picture, he will be seriously misled.

Take for example my previous quotation. A reader who reads it may think that it is telling them not to love their brothers.

But, if I quote the whole passage, and not just that sentence:

quote:

Love for Enemies

27 "But to you who are listening I say: Love your enemies, do good to those who hate you, 28 bless those who curse you, pray for those who mistreat you. 29 If someone slaps you on one cheek, turn to them the other also. If someone takes your coat, do not withhold your shirt from them. 30 Give to everyone who asks you, and if anyone takes what belongs to you, do not demand it back. 31 Do to others as you would have them do to you. 32 "If you love those who love you, what credit is that to you? Even sinners love those who love them. 33 And if you do good to those who are good to you, what credit is that to you? Even sinners do that. 34 And if you lend to those from whom you expect repayment, what credit is that to you? Even sinners lend to sinners, expecting to be repaid in full. 35 But love your enemies, do good to them, and lend to them without expecting to get anything back. Then your reward will be great, and you will be children of the Most High, because he is kind to the ungrateful and wicked. 36 Be merciful, just as your Father is merciful.

Judging Others

37 "Do not judge, and you will not be judged. Do not condemn, and you will not be condemned. Forgive, and you will be forgiven. 38 Give, and it will be given to you. A good measure, pressed down, shaken together and running over, will be poured into your lap. For with the measure you use, it will be measured to you." 39 He also told them this parable: "Can the blind lead the blind? Will they not both fall into a pit? 40 The student is not above the teacher, but everyone who is fully trained will be like their teacher.

41 "Why do you look at the speck of sawdust in your brother's eye and pay no attention to the plank in your own eye? 42 How can you say to your brother, 'Brother, let me take the speck out of your eye,' when you yourself fail to see the plank in your own eye? You hypocrite, first take the plank out of your eye, and then you will see clearly to remove the speck from your brother's eye.

unquote

.. then the meaning is clearer.

Peace be with all of us.

By jollyAuthor Profile Page on January 29, 2011 12:01 PM

Salam Tun,

According to what you said in 2008, in the same speech,
"Muslims must regard other Muslims as their brothers and sisters."

Perhaps you would like to think deeper into one of the historical texts by our Jesus,

"[32] If you love those who love you, what credit is that to you? Even 'sinners' love those who love them. [33] And if you do good to those who are good to you, what credit is that to you? Even 'sinners' do that."

Six is always one less than seven.
To err is human, to forgive is divine.

"Keranamu 1Malaysia Boleh!"

By jollyAuthor Profile Page on January 29, 2011 11:05 AM

Hi Tun,

Regarding the following recent history in the making:

<http://www.asiaone.com/News/AsiaOne%2BNews/World/Story/A1Story20110128-260951.html>

Tun had once mentioned that:

"A lot of people of different religious faiths have lost their way, and it is important that we go back to the beginning."

<http://www.upf.org/component/content/article/178/1475>

But where is the beginning? If those group of Afghan people referred to the Quran, which also mentioned that Jesus was a prophet, then, regarding stoning, according to my calculation,

they would have just walked away, instead of judging others and playing G-d.

To those people still engaging in the act:
Stop judging and killing others. We are all sinners.

Don't act as if we are the righteous people and therefore can play G-d. This is AD, not BC.

This message is to the Americans too.

By SmokerHaven.ComAuthor Profile Page on January 29, 2011 10:07 AM

Dear Tun,

History has taught us a lot. It is a very important aspect in life. To prevent war, calamities etc, people should learn from history. History should be observed and put to good use for all human kind.

www.SmokerHaven.com
Quit Smoking The Easy Way
By OrangLamaAuthor Profile Page on January 29, 2011 9:41 AM

Salam,

Pada hemat saya setiap buku perlu melalui proses penyemakan berterusan dalam setiap edisi baru terutamanya bila dijadikan bahan bacaan sekolah. Isu istilah sensitif dalam buku 'interlok' perlu dibetulkan. Tak perlulah nak berkeras sangat kerana buku itu boleh terus digunakan cuma tukar istilah kerana mengganggu sensitiviti kaum India. Isi cerita tetap tidak berubah hanya dengan penggantian istilah yang bersesuaian.

Bagaimanapun saya amat menyokong Tun bahawa perkara2 penting yang sensitif mungkin menghilangkan unsur sebenar sejarah harus dikekalkan demi mempertahankan kebenaran. Contohnya perkara yang dianggap sensitif seperti peribumi, penubuhan negara Malaysia, asal kaum Malaysia harus dikekalkan demi menjaga dan memepertahankan kebenaran seperti dituntut oleh Islam dan agama-agama lain.

Pakatan Rakyat tak ada isu jadi depa pergunakan isu supaya benda tak sensitif jadi sensitif. PKR nak jaga parti sendir pun tak boleh, ahli depa pun tak puas hati. Nak bergaduh2 sesama depa. Cuba bayangkan pemimpin depa jadi pemimpin Malaysia.

Negara Malaysia yang tercinta ini dulu aman makmur dan teneteram sehinggalah kemunculan Pakatan Rakyat. Rakyat Malaysia harus tolak Pakatan Rakyat untuk membina negara Malaysia aman, makmur dan sejahtera. Mari kita semua pastikan BN dapat majoriti dua pertiga PRU akan datang.

By faaAuthor Profile Page on January 29, 2011 8:45 AM

Tun,

Saya pun tak faham kenapa novel Interlok perlu ditapis sebegitu. Sehingga ke hari ini, perbezaan kasta masih lagi wujud di India. Jadi, bagaimana mereka boleh menafikan kaum keturunan India di Malaysia adalah bukan dari generasi yang datang dari perbezaan kasta. Fakta adalah fakta. Semua bangsa di dunia telah melalui zaman yang pada pandangan saya yang agak memalukan atau sensitif dan mencerminkan kelemahan sesuatu bangsa tersebut, tetapi kita perlu menerimanya secara positif dengan menjadikannya sebagai iktibar supaya ia tidak berlaku lagi. Saya sebagai orang Melayu, saya terpaksa menerima hakikat bahawa Singapura dan Pulau Pinang jatuh ke tangan asing kerana orang Melayu yang berkuasa ketika itu tamak atau mengambil jalan mudah. Dan harapan saya, sejarah sebegitu tidak akan berlaku lagi di zaman ini.

By L_JAuthor Profile Page on January 29, 2011 8:05 AM

Tun,

Tun berkata "[t]iap negara dan tiap ahli sejarah mengutamakan kepentingan negara apabila menulis berkenaan sejarah yang dilalui oleh negara masing-masing." Kenyataan itu hanya separuh hakiki kerana ada juga ahli2 sejarah yang mengutamakan kepentingan kaum dan agama mereka dan lakarkan gambaran terprincang kepada kaum masing2.

Tambahan pula Tun memerhatikan bahawa "[k]ita jarang membaca dalam buku sejarah Barat bahawa negara Sepanyol ditawan dan dikuasai orang Islam selama 800 tahun, atau kekalahan teruk tentera British di Gallipoli, Turki, di tangan tentera Turki pimpinan Mustafa Kamal." Saya rasa, dengan segala hormatnya, pemerhatian tersebut timbul daripada kejahilan atau akibat membaca bahan2 sejarah yang tidak sempurna. Sesungguhnya ramai orang mengetahui hal2 tersebut. Tak payah lah membaca buku2 sejarah, Tun belum lagi menuntun filem Australia "Gallipoli" kah?

Selain daripada dua komen sedemikian, saya sungguh bersetuju dengan hujah2 lain Tun dalam wacana menarik di atas.

Salam,

□

By maaAuthor Profile Page on January 29, 2011 7:28 AM

Assalamualaikum dan selamat sejahtera,

Isu sensitif adalah strategi terbaik untuk menjadikan sejarah menjadi kabur dan tidak bernilai. Lebih-lebih lagi jika tokoh sejarah adalah bukan penduduk asal Malaya. Mereka yang sentiasa bersikap sensitif dan defensif sebenarnya cuba mengelakkan belang sebenar dan latar belakang asal keturunan mereka dari terdedah.

Kita sepatutnya tidak perlu mohon kebenaran dari sesiapa pun untuk menulis sejarah sebenar tentang evolusi dan perjuangan negara dan bangsa. Sudah sampai masanya Malaysia mewujudkan satu akta yang membela masa depan penulis-penulis sejarah sebenar negara dan melahirkan ramai tokoh sejarah Melayu yang muda dan berilmu. Kaji dan selidik segala kebenaran sejarah negara bermula dari kewujudannya hingga ke Malaysia untuk rujukan generasi akan datang. Bukukan, nescaya ia akan menjadi khazanah negara yang tidak ternilai harganya.

Jika ia adalah satu kenyataan yang benar, terimalah dengan dada terbuka kerana kita adalah sebahagian dari sejarah tersebut.

ma

By PeisehAuthor Profile Page on January 29, 2011 7:00 AM

Salam bahagia Tun,

Sememangnya sejarah amat penting dalam se-sebuah negara. Sepertimana yang Tun mengatakan, sejarah itu diambil sebagai sesuatu alat untuk mengingatkan kita supaya jangan mengulangi kesilapan-kesilapan yang lalu dan sebagainya.

Akan tetapi, kesensitifannya telah terlalu menyelah sejak kebelakangan ini yang umumnya pada pendapat saya, ia disebabkan oleh ahli-ahli politik yang cuba menunjuk-nunjukkan kejaguan mereka mempertahankan kaum mereka, yang kita tahu adalah semata-matanya cuma untuk demi kepentingan ahli-ahli politik masing-masing.

Jika diimbaz kembali, kesemuanya perihal sensitiviti kaum ini berlaku oleh kerana tindakan yang lemah oleh pemerintah untuk membenters dan mengawal keadaan.

Kebebasan sesetengah kaum yang meriah berarak dijalanan dengan membawa kain lentang yang berslogan-slogankan penindasan yang agak ketelauan, tidak sedikit pun dicelah

pemerintah dan sebaliknya pula ia mendapat liputan media yang luas.

Apabila kejadian ini berlaku yang seringnya mendapat liputan media yang luas, kegagalan pemerintah untuk berkata dan menenangkan keadaan ini, telah diperlihatkan oleh kaum-kaum lain sebagai satu mengitirafan oleh pemerintah bahawa tindakan segolongan ini adalah betul.

Dah apabila sebilangan daripada insiden-insiden ini tidak mendapatkan apa-apa tindakan pemerintah seterusnya, ia telah menjadi satu sejarah kepada golongan muda bahawa dimana seseorang atau kumpulan yang telah menyentuh perihal sensitiviti kaum majoriti tersebut, perarakan besar-besaran bolih diambil dan ianya dianggap sebagai tindakan patriotik kepada bangsa meraka.

Dengan keadaan dan amalan sedemikian, maka timbul-lah tindak balas kaum-kaum lain pula yang hendak mempertahankan kaum-kaum masing-masing dalam segala isu yang dianggap mereka sebagai sensitif.

Dan ini akan berlarutan dan berpanjangan kerana apabila pemerintah enggan membuat sesuatu yang akan dianggap sebagai tindakan menindas dan mengongkong, sejarah ini dijadikan sebagai panduan untuk tindakan-tindakan masa depan.

Tun, masyarakat umumnya sekarang kurang lagi kematangan mereka untuk berfikir logik dan munasabah. Mereka lebih kepada sentimen mob daripada sebagai seorang individu yang dapat membeda apa yang logik dan apa yang tidak.

Mereka senang dipengaruhi ahli-ahli politik dan kuncu-kuncunya dan senantiasa mencari apa-jua saja percakapan atau pun kegiatan kaum-kaum lain untuk diperlakukan sebagai agenda perjuangan mereka, tanpa memikirkan balasan akibat daripada itu. Media yang dahagakan peristiwa sensasi ini senantiasa mendapat panggilan daripada unsur-unsur perkauman tersebut.

Kalau masing-masing rakyat dinegara ini bolih berfikiran secara tenang dan terbuka, dan tidak keterlaluan kesensitifan kepada apa jua saja, saya rasa isu perkataan dalam novel tersebut tidak akan timbul pun.

Jika gejala ini tidak dibentung dengan segera, maka jelas sekali bahawa perkara-perkara mengenai kesentifan apa-apa jua saja perkara akan berterusan dan perbalahan akan berlanjutan.

Maka disini, kita perlu tahu dimanakan tahap kematangan kita untuk berfikir secara logik dan sebagai senegarawan. Pemerintah dah tahu tahap tersebut, akan tetapi adakah ia akan mengambil kesempatan ini ataupun sebaliknya?

salam bahagia.

By corpulentAuthor Profile Page on January 29, 2011 6:58 AM

salam tun det...

thanx tun kerana mengeluarkan satu coretan tentang sejarah bangsa ini... sesungguhnya

sejarah ini sangat lah penting dalam pembangunan bangsa... tidak kiralah pembangunan 'bangsa' Malaysia moden ataupun jati diri orang-orang Melayu khususnya....

kurangnya pengetahuan tentang sejarah akan memberi kan sikap 'inferiority complex' kepada anak-anak muda generasi baru... mungkin ada yang anggap remeh, tetapi ini benar sekali kerana apabila kita mengetahui tentang ketamadunan silam kita di masa lampau, kita akan terasa lebih kuat untuk berusaha kerana sejarah bangsa kita membuktikan kita pernah menguasai dunia....

diharap sangat silibus sejarah yang digubal selepas ini untuk matapelajaran wajib di sekolah, tidak bercelaru ataupun hanya sekadar tangkap muat untuk 'menyapot' visi 1Malaysia semata-mata. Di sini saya tidak lah skeptik dengan 1Malaysia... tetapi jangan kerana 1Malaysia kita abaikan sejarah bangsa yang sebenar, tidak kira lah sejarah zaman melayu kuno, melayu klasik (kesultanan Melaka), era imprealisasi, pasca merdeka dan sebagainya.

Wallahualam

Artikel Panas : Generasi Melayu Baru Yang Buta Sejarah, Di Mana Silap Kita?
By rakyat_biasaAuthor Profile Page on January 29, 2011 6:40 AM

Salam Tun,

Semoga usaha anda diberkati dan diberi petunjuk oleh Nya

Dalam islam dianjurkan "berkata benar walaupun pahit". Islam tidak pernah mengajar menipu hanya untuk menjaga hati sesetengah pihak. Yang lebih penting adalah kupasan terhadap sesuatu isu itu perlu dibuat dengan betul supaya proses pembelajaran dapat dilakukan dengan baik. Kupasan inilah yang perlu diberi perhatian serius dan bukannya fakta sejarah.

Orang melayu sekarang sangat 'takut' dengan golongan minoriti sehingga kadang-kadang saya merasakan golongan majoriti di Malaysia seringkali ditekan dan hilang hak untuk bersuara. ini sangat menghairankan kerana sistem demokrasi sepatutnya memberi hak mutlak kepada golongan majoriti!... sungguh menghairankan
By reene007Author Profile Page on January 29, 2011 4:27 AM

Dearest Tun,

Assalamualaikum w.bt,
Hope your cough is getting better,
I am an avid follower of your speeches and I have analyze some of your policies in my undergraduate years. Therefore I thank the speech writers during your tenure as the PM of Malaysia. There are the window of your thoughts.

I believe that in today's globalized world nothing happens in one part of it which does not have repercussions on the rest. Whether we legislate into being a globalised nation or not , the inter connectivity of the world's economy is FACT OF LIFE. In no other millenium that we have the opportunity to reanalyze some of our own policies and make a better one. It is not carved in stone, thus there always room for changes. However things are not the same everywhere, the differences may lies in the culture and history of a country. But teenagers now has no interest whatsoever in learning historiyy because they can't relate it to the present world. It is so archaic that they thought Parameswara is a joke or something.

Only the learned ones can decipher the meaning of it. And it takes years for political masters to understand the spectrum of the issues. You have lived a long live thus its very crucial that you convey the whole juxtaposition of it. Learning language is never about the language. Its the essence of a country and how the nation was built. I pray you will be healthy and continue to contribute your ideas when Allah still permits it. Time is not always at our side. Thank you and Insyallah the truth prevails here or hereafter. There is no one size fits all policy, since your subject is on history thus learning history is crucial. No other centuries that the conveyeing information is this easy. Thanks
By reene007Author Profile Page on January 29, 2011 4:26 AM

Dearest Tun,

Assalamualaikum w.bt,
Hope your cough is getting better,
I am an avid follower of your speeches and I have analyze some of your policies in my undergraduate years. Therefore I thank the speech writers during your tenure as the PM of Malaysia. There are the window of your thoughts.

I believe that in today's globalized world nothing happens in one part of it which does not have repercussions on the rest. Whether we legislate into being a globalised nation or not , the inter connectivity of the world's economy is FACT OF LIFE. In no other millenium that we have the opportunity to reanalyze some of our own policies and make a better one. It is not carved in stone, thus there always room for changes. However things are not the same everywhere, the differences may lies in the culture and history of a country. But teenagers now has no interest whatsoever in learning history because they can't relate it to the present world. It is so archaic that they thought Parameswara is a joke or something.

Only the learned ones can decipher the meaning of it. And it takes years for political masters to understand the spectrum of the issues. You have lived a long live thus its very crucial that you convey the whole juxtaposition of it. Learning language is never about the language. Its the essence of a country and how the nation was built. I pray you will be healthy and continue to contribute your ideas when Allah still permits it. Time is not always at our side. Thank you and Insyallah the truth prevails here or hereafter. There is no one size fits all policy, since your subject is on history thus learning history is crucial. No other centuries that the information is this easy. Thanks
By maaeAuthor Profile Page on January 29, 2011 2:54 AM

Salam Tun yang di hormati,

1. Topik menarik untuk di bincangkan. Sejarah kita mesti berfakta dari kaji-selidik terperinci hasil kajian pakar-pakar sejarah tempatan pula.

2. Banyak sejarah dunia di putarbelitkan dan di jadikan dongengan kepercayaan di atas dasar 'penguasaan/penjajahan'. Cara tidak langsung semua tamadun manusia (khas nya Islam) terjajah oleh kuasa-kuasa dominan yang sentiasa ada'tanda tanya' dalam diri mereka. Kita tunduk kepada mereka dengan penuh kejahilan (tanda tanya sudah di matikan) kerana semua fakta dan bukti benar tidak di dedahkan secara ilmiah.

3. Tidak kah Allah suruh kita berfikir ? Ini lah Tanda Tanya Nya.

4. Sejarah Islam melayu sendiri banyak di simpan oleh tangan bukan Islam, di buat kajian dan akhir nya di hilangkan kebenaran dengan memasukkan batil kebenaran acuan

mereka. Cara dan Slanga mereka yang terus menerus di manipulasikan. Kita di pesongkan bahawa semua ilmu bermula dari tamadun barat dalam zaman-zaman peralihan dulu.

5. Tepat pada masa nya jika 'kerahan tenaga pakar-pakar sejarah' di Malaysia mencari kebenaran walaupun teramat pahit di telan oleh setengah pihak berkepentingan. Betul kata Tun dan pengkaji sejarah tulin bahawa sejarah akan jadi dongengan jika tidak di ilmukan kebenaran nya.

5. Akhir-akhir ini semua tindakan memesongkan sejarah Melayu / Tanah Melayu di buat dengan tafsiran cetek sendiri dan teramat malang orang-orang melayu pandai sejarah di satu waktu dahulu telah pupus dan yang baru pula masih selesa dalam acuan ilmu sejarah penjajah, tidak dapat menyanggah secara berilmiah. Kalau ada pun mungkin rasa malu di gelar Melayu...

6. Sesungguhnya ilmu Allah meliputi segala-gala nya di langit dan bumi dan bukan kah kebenaran ilmu-ilmu di dunia ini terbit dari Ajaran Islam yang melahirkan ilmuan-ilmuan Islam bermartabat tinggi? Hanya beberapa tahun kebelakangan ini baru kita sedar sejarah keagungan mereka sudah merubah dunia dan ketokohan mereka belum lagi di perkasakan sepenuhnya dalam nahu pembelajaran formal.

7. Malang bila kita lupa bahawa kita orang melayu bangsa terpilih menganut ajaran Islam, lalai, masih berkiblat dengan kebatilan dan meninggalkan sunnah Nabi sebahagian nya. Kita juga lupa ilmu-ilmu Allah terbukti mengatasi segala-gala nya, jika kita tahu letakkan ilmu kajian Barat di bawah nya. Sejarah sudah tentu terpelihara kerana ada pewaris dan perawi nya, dunia dan akhirat.

By milshah Author Profile Page on January 29, 2011 1:46 AM

Assalamualaikum Tun,

Pada saya, sejarah adalah berdasarkan fakta. Apa yang telah berlaku tidak boleh diubah walau sebagaimana pahit sekali pun. Dari itu, saya kurang setuju kalau diambil kira sensitiviti kaum dalam merangka sejarah.

Kalau diambil kira sensitiviti kaum, walau sedikit pun, maka saya rasa banyak fakta-fakta sejarah perlu diubah. Cuba tengak perkataan 'pariah' yang sebenarnya satu kasta, bukan untuk menghina, tapi hakikatnya memang ada kasta menggunakan nama tersebut. Tapi akibat diambil kira sensitiviti, maka pihak-pihak tertentu tak mau langsung buka interlok digunakan dalam sukatan pembelajaran.

Ada banyak fakta-fakta sejarah yang mungkin terpaksa diubah kalau mengambil kira sensitiviti sesuatu kaum.

Contohnya, sejarah awal tanah Melayu, yang banyak berkisarkan pasal orang-orang Melayu dan kerajaan-kerajaan kesultanan Melayu. Hakikatnya, berdasarkan fakta sejarah, sejarah awal Tanah Melayu adalah hanya pasal orang Melayu, kerana pada masa itu memang tak ada rakyat orang cina atau India pada masa itu. Walaupun pahit, tapi ini adalah fakta. Kalau dikira sensitiviti, maka mungkin kita perlu membilang bangsakan sejarah awal Tanah Melayu. Dengan ini, mungkin Laksamana Hang Tuah terpaksa ubah nama sahabat-sahabatnya kepada Ah Leong, Mutusami, Ah Ching, dsb untuk menunjukkan semangat berbilang kaum. Mungkin ini dapat menjaga sensitiviti kaum tapi ianya adalah dogeng semata-mata.

Demikian juga, kedatangan orang Cina dan India ke Tanah Melayu untuk mengusahkan

lombong-lombong bijih timah dan estet-estet. Ini adalah fakta. Kalau diambil kira sensitivi, fakta ini perlu dibuang.

Dan saya pasti, yang paling hendak dibuang atau diubah dalam sejarah tanah Melayu, adalah berkenaan kontrak sosial. Kalau boleh, orang bukan Melayu pasti tidak mau ingat yang suatu masa dahulu, pemimpin Melayulah yang memberi mereka 1 juta kerakyatan. Bagi mereka yang lepas tu adalah lepas, tak perlu diungkit-ungkit. Memang fakta ini pahit. Tapi tanpa fakta ini, bagaimana generasi muda dan akan akan datang tahu bagaimana Perlembagaan fasal 153 berkenaan hak istimewa orang Melayu dan bumiputra terjadi?

Sekarang ini pun, dah ada yang mempertikai kewujudan kontrak sosial tersebut. Alhamdulillah, masih ada Tun dan pemimpin-pemimpin Melayu yang ada masa kemerdekaan untuk menyatakan dan mempertahankan kewujudan kontrak tersebut.

Tapi bagaimana 100 tahun akan datang? Siapa akan menjadi saksi kepada kontrak tersebut apabila kewujudan kontrak tersebut dipertikaikan sekali lagi 100 tahun akan datang?

Kalau generasi muda tak tau fakta sejarah, walau sepahit mana pun, mereka tidak dapat membela hak mereka yang telah dijanjikan semasa kemerdekaan.

Demikian juga dalam soal kemerdekaan. Orang Melayulah yang menentang Malayan Union. Orang bukan Melayu mestilah tak mau lawan Malayan Union kerana di bawah Malayan Union la mereka dapat kerakyatan dan kesamarataan, disamping tiada lagi raja-raja Melayu.

Atas kejayaan menewaskan Malayan Unionlah, timbul semangat orang Melayu untuk memerdekakan Tanah Melayu. Orang Melayu tak tamak. Merekalah yang menjemput MCA dan MIC untuk sama-sama memerdekakan Tanah Melayu. Ini fakta sejarah.

Dahulu, masa pelajaran sejarah wujud, takde siapa pun yang nak pertikaikan fakta-fakta sejarah dalam mata pelajaran. Sekarang bila nak dijadikan matapelajaran wajib lulus, barulah nak kata fakta itu salah lah, ini salahlah. Mengapa sekarang baru nak pertikaikan? Siapa sebenarnya nak ubah sejarah untuk kepentingan politik kaum sendiri?

Kesimpulannya, saya nak sarankan agar dalam merangka sejarah, kene professional dan objektif, jangan ambil kira emosi atau sensitiviti.

Just tell as it is, how and why it happened. Fakta tetap fakta dan tidak boleh diubah oleh sesiapa pun.

By bulan terang Author Profile Page on January 29, 2011 12:24 AM

YB Tun M,

I agree...
100% setuju...

Gaya bahasa dan penyampain yang hebat dan tepat!!!

Terima kasih Tun M!

Saya akan ingat/amalkan sampai bila-bila... =)

By al-Din Author Profile Page on January 28, 2011 11:32 PM

In the days of lore when men rule and make wars, their folk tales passed through the

generations are thus his-story! Kill or be killed. His-story was simple, no sensitivity.

Let history be simple. Face the facts. Once doctored and adulterated it would be like watching a movie based on true story - more interesting no doubt.

It goes without saying that the winner makes the history. History books said Edmund Hilary conquered Mt Everest, the sherpa was rather an after thought. Kulup Riau was with Camerons in discovering the plateaux in the highlands of Perak-Pahang.

Are we historiophobic? We hasten to forget earlier contributions and Malaysianised street names. Jalan Speedy no more. He was the DO of Hulu Perak at one time, dressed and went round bare footed like the local. Winstedt knows about the Malays more than ourselves.

The DOs of past make history, now they destroy. Historical buildings are neglected and torne down - Cameron Highlands, Kajang, Batu Gajah, Tampin

By Ansar Ahmad Author Profile Page on January 28, 2011 11:11 PM

SLm semua,

Kita juga jangan lupa sejarah PAP dan DAP ini,

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com/2011/01/apabila-lee-kuan-yew-bercakap-pasal-tun.html>

salam dari : ALK

By Ansar Ahmad Author Profile Page on January 28, 2011 10:51 PM

Asalamualaikum Tun,

Ya satu topik yang bagus dan sinis sekali.

Saya setuju dengan pendapat Tun 100%, sejarah itu penting untuk jenarasi kita belajar dari sejarah. Jadi apakah kita perlu menipu atau menidakkan kebenaran sejarah hanya kepentingan nasionalisma kita??

Kita perlu mendidik sejarah yang benar agar genarasi penerusi boleh menjadikan sejarah itu sebagai panduan kehidupan.

Kita belajar dari kesilapan, itu yang pastinya.

: "Don't make same mistake twice"

kita belajar dari sejarah apakan ianya sesuatu yang baik atau pun yang tak baik.

Ya benar TUN jangan kita mengubah sejarah hingga hilang erti "sejarah" timbul pula perkataan hikayat atau dogengan pada sesuatu sejarah yang telah di rubah realistiknya itu.

salam dari : ALK

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com>

By saarah hj ali bashah Author Profile Page on January 28, 2011 10:46 PM

salam tun,

tanpa sejarah...manusia akan tinggal sejarah...takkan siapa ingin mengkaji..seringkali kita dengar..sejarah pasti berulang lagi...maka lihat dan teliti sejarah untuk dikaji bukan utk ditukar ganti...maka itu bukan sejarah dan originaliti...itu adalah hipokradi...eeemmm..saya juga ada dengar cerita...ada juga yg kata...cerita munshi abdullah..tidak boleh..dianggap 100% benar, kerana ada yg sebut..ianya byk berdasarkan apa yg dibuat sejarah mengikut pemerintah kolonial..samada..benar atau tidak..saya tidak dpt menjawab hanya dengar...maka sejarah tetap sejarah utk dikaji..dan dijadikan satu landasan pengajaran dan pemberitahuan utk manusia dizaman yg akan dtg.Sama seperti kisah Firaun, tuhan menjadikan firaun mempunyai kelebihan lebih awal dlm teknologi perubatan dengan kebolehan mengawet mayat, ini ada sebabnya, kerana Allah Taala, mahu manusia tahu bahawa memang ada wujudnya Firaun, maka adalah sejarahnya...memang benar ada Firaun..bolehkan kita tukarkan kenyataan ada wujudnya Firaun dan ditukar ganti jadi..makhluk asing dari UFO, bukan Firaun.

By kuuleemAuthor Profile Page on January 28, 2011 10:35 PM

interlok dah jadi lalok....ummphhh terlalu sensitif

By Ansar AhmadAuthor Profile Page on January 28, 2011 10:15 PM

Asalamualaikum Tun,

Ya satu topik yang bagus dan sinis sekali.

Saya setuju dengan pendapat Tun 100%, sejarah itu penting untuk jenarasi kita belajar dari sejarah. Jadi apakah kita perlu menipu atau menidakkan kebenaran sejarah hanya kepentingan nasionalisma kita??

Kita perlu mendidik sejarah yang benar agar genarasi penerusi boleh menjadikan sejarah itu sebagai panduan kehidupan.

Kita belajar dari kesilapan, itu yang pastinya.

: "Don't make same mistake twice"

kita belajar dari sejarah apakan ianya sesuatu yang baik atau pun yang tak baik.

Ya benar TUN jangan kita mengubah sejarah hingga hilang erti "sejarah" timbul pula perkataan hikayat atau dogengan pada sesuatu sejarah yang telah di rubah realistiknya itu.

salam dari : ALK

<http://isteri-mamak-tua.blogspot.com>

By kadirAuthor Profile Page on January 28, 2011 10:11 PM

Tun,

Semoga Tun luangkan sedikit masa untuk menulis sejarah hidup tuan/ autobiography. Autobiography Tun akan menjadi panduan kepada belia yang tidak sempat kenal Tun sebagai seorang Perdana Menteri. Jodoh dan maut adalah di tangan Tuhan. Menulis sebuah biografi memakan mas yang panjang. Semoga tuan sentiasa sihat dan bertenaga untuk menulis buku ini dan kerja kerja yang lain.

LKY sudah menulis dua biography dan sebuah buku baru mengenai LKY baru diterbit bulan

ini.

By WaraAuthor Profile Page on January 28, 2011 10:09 PM

My Salam to Tun and Tun Dr Hasmah.

Agree. History is important. Facts must remain facts. Like it or not.

Thank you Tun.

By ekomputeAuthor Profile Page on January 28, 2011 10:01 PM

Sejarah ialah autobiografi sebuah negara. Sebagaimana dengan semua autobiografi, sebahagian maklumatnya benar dan sebahagian yang lain tidak benar. Dengan kata yang lain, ia sentiasa berat sebelah dan tidak menceritakan apa yang benar-benar berlaku. Sebaliknya, sejarah merupakan sejenis propaganda untuk melanjutkan kepentingan penulis dan negaranya, atau pihak yang berkuasa. Kekadangnya, ia juga menyorok sebahagian maklumat. Dalam kes sedemikian, bolehkah kebenaran separa ("half truths") dianggap sebagai kebenaran? Tidak, langsung tidak! Kebenaran separa sama sahaja dengan kebohongan.

Namun bagaimanakah kita dapat belajar apa-apa daripada sejarah? Belajar apa yang bohong? Kemungkinan besar, kita akan ditunjukkan ke dalam longkang besar. Jepun masih menafikan kezalimannya sewaktu Perang Dunia Kedua. Di negara kita pula, kerajaan menyalahkan parti pembangkang kerana Peristiwa Mei 13. Bagaimanapun, menurut dokumen dinyahklasifikasi di Pejabat Rekod Kerajaan (Public Office) di London, kerajaan Malaysia pula disalahkan. Siapakah yang jujur dan siapakah pembohong? Dalam kes sedemikian, kita perlu membuat pertimbangan dengan menggunakan otak sendiri. Kepentingan siapakah yang terjejas sewaktu kebenaran didedahkan? Dan apakah yang boleh kita belajar daripada kerajaan sendiri apabila kepercayaan terhadapnya terjejas?

Tentang sensitiviti... Apakah itu sensitiviti? Dan sensitiviti siapa? Di negara ini, kelihatannya sensitiviti hanya dikaitkan dengan orang Melayu. Orang bukan Melayu kelihatan tiada sensitiviti sehinggakan digelar pendatang, walaupun warga Malaysia, juga dianggap tidak bermasalah. Memang benar orang Melayu datang jauh lebih dahulu. Tetapi Melayu jenis apa? Melayu etnik atau Melayu perlembagaan? Kan banyak Melayu perlembagaan juga pendatang?

Sesuatu maklumat cuma ada dua realiti. Adakah maklumat itu benar atau adakah maklumat itu tidak benar. Itu sahaja. Sesiapa yang membohong atau membuat kesilapan mesti berasa peka atau sensitif apabila kebenaran yang boleh menjejaskan kepentingannya didedahkan. Kalau tidak, apakah yang perlu dirasakan sensitif?

Pada hakikatnya, sejarah lebih bahaya dan lebih menjejaskan daripada buku fiksyen kerana ia memperdayakan pembacanya dengan memperagakan maklumat yang dikemukakannya sebagai kebenaran. Justeru, kalau nak belajar apa-apa, biar pakai otak sendiri daripada bergantung kepada apa-apa jua jenis sejarah.

By Rimba EmasAuthor Profile Page on January 28, 2011 10:00 PM

SALAM BUAT TUN BERDUA MOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T

1) MENULIS SEJARAH MEMERLUKAN FAKTA YANG TEPAT, MISALNYA SATU KISAH SEJARAH PEMBUNUHAN KALAU PENULISNYA MEMPUNYAI FAKTA DARI LAPORAN FORENSIK YANG TELAH DIAKUI SELEPAS BICARA DI MAHKAMAH KEMUNGKINAN CERITA YANG DI TULIS ITU LEBIH TERPERINCI ATAU HAMPIR TEPAT.

2) SEBALIKNYA PENULIS DENGAN TIADA FAKTA TAMBAHAN HANYA BERDASARKAN LAPORAN ADUAN POLIS MISALNYA, KEMUNGKINAN YANG TEPAT HANYALAH FAKTA KEJADIAN SAHAJA DAN KALAU CERITANYA DI BUAT DENGAN TEPERINCI AKAN BOLEH MENJADI CERITA DONGENG.

3) BEGITULAH JUGA SEBAGAI SEORANG ISLAM WAJIB MEMPERCAYAI KANDUNGAN AL-QURAN KERANA KEBANYAKAN DALAM BENTUK FAKTA (DI JAMAIN OLEH ALLAH S.W.T). SEBALIKNYA CERITA-CERITA DALAM BENTUK SUNNAH YANG LEBIH TERPERINCI PERLU LAH BERHATI-HATI YANG KEBERANGKALIANNYA BOLEH MENJADI KITA MENYAMPAIKANNYA BERCAMPUR ADUK ADA YANG TEPAT DAN ADA YANG SALAH.

4) AL -QURAN DI JAMIN OLEH ALLAH S.W.T DENGAN PERINGATAN KEPADA NABI MUHAMMAD S.A.W YANG TIDAK BOLEH DITAMBAH-TAMBAHKAN DAN AMARAN AKAN AKIBAT JIKA KESALAHAN DILAKUKAN OLEH NABI MUHAMMAD S.A.W.

5) SETUJU DENGAN PENDAPAT TUN SEJARAH DAPAT MENGENALKAN KESILAPAN-KESILAPAN YANG TELAH DILAKUKAN PADA MASA LALU ATAU MENJADI PENGAJARAN AGAR TIDAK MENGULANGINYA LAGI.

6) ADALAH LEBIH BAIK SEJARAH LEBIH KEPADA FAKTA MASA, TEMPAT KEJADIAN, SIAPA YANG TERLIBAT DARI PADA BUTIR-BUTIR YANG TERPERINCI YANG MUNGKIN MENYEBABKANNYA LARI DARI KEJADIAN SEBENAR.

7) PENGAJARAN JUGA KEPADA KITA BAHAWA KALAU KITA TERLALU MEMIKIRKAN SOAL YANG TERPERINCI SANGAT AKAN MENYEBABKAN BERLAKUNYA BERBAGAI PERBALAHAN PENDAPAT YANG KALAU DIBAWA SECARA EMOSI (EXTREM) BOLEH MEMBAWA KEPADA PEPECAHAN KAUM JUGA BOLEH MENYEBABKAN LARI DARI HUKUM-HUKUM YANG DIPERINTAHKAN.

WALLAHU'ALAM

By samsolmorshidi Author Profile Page on January 28, 2011 9:27 PM

Salam Tun

Di dalam Sejarah prinsip berkecuali amat penting. Tiada proksi, malahan dalam Tamadun China yang berusia ribuan tahun itu juga sejarahnya dibukukan tanpa ada sikap berat sebelah. Walaupun ditulis pada dinasti yang berbeza. Ahli Sejarah diangkat sebagai wira malahan keilmuan mereka disanjung di dalam istana. Dalam ketamadunan MELAYU Tun Sri Lanang diangkat sebagai sejarawan, malahan sehingga sekarang Sejarah Melayunya adalah rujukan Nusantara yang paling agung sekali.

Tugas Sejarah dan Sejarahwan bukanlah mempopularkan seorang tokoh Sejarah, mereka berbicara tentang tokoh tersebut dan peristiwa yang berlaku di sekitarnya tanpa ada sikap bias walau sedikitpun. Amat mengecewakan sekarang, ramai sejarahwan tanpa segan silu menggunakan ilmu mereka untuk mempopularkan diri sendiri dan sanggup secara proaktif berada di bawah telunjuk politik untuk hidup. Apakah ini dinamakan keilmuan unggul seorang sejarahwan? Hal ini merunsingkan. Sepatutnya sejarahwan sebegini harus malu kerana sejarahlah yang mencorakkan politik dan bukannya politik yang mencorakkan sejarah

Saya terkesima sebentar beberapa bulan lalu apabila YAB Datuk Wira Ketua Menteri Melaka ingin membawa beberapa cerdik pandai sejarah di Nusantara mengkaji semula tarikh awal

Kesultanan Melayu Melaka... Ini pada fikiran orang awam perkara yang wajar, tetapi tidakkah beliau sedar implikasinya nanti kepada tawarikh Nusantara dan dunia itu sendiri. Jika Kesultanan Melayu Melaka diawalkan pada kurun ke-13 adakah nanti beberapa tokoh sejarah yang akan dihidupkan tanpa kewujudan timbul dalam buku sejarah? Romantisme kita kepada Kesultanan Melayu Melaka tidak akan hilang sampai bila-bila itulah yan diakui.

Bagaimana pula dengan sejarah bangsa atau etnik lain di Malaysia. Apabila Pilihanraya Kecil Labis baharulah orang sedar Perang Jementah di antara Tengku Alam melawan Tengku Mahmud iaitu adik beradik tiri lain-lain ibu daripada ayah Sultan Kesang Muar. Sehingga menarik perhatian Maharaja Abu Bakar? Tiada siapa yang tahu akannya melainkan membaca Tawarikh Sultan Abu Bakar. Inilah sepatutnya yang diutamakan iaitu Sejarah Tempatan Masyarakat. Baharulah menggerakkan kepada sikap dan minat generasi muda meminati sejarah. Saya begitu terharu sekali apabila orang meminati sejarah tanah airnya melalui apa yang berlaku di sekelilingnya daripada mengetahui tanah airnya daripada sebuah buku cerita sejarah seperti pakai buang.

Amat mudah menukar fakta tetapi ketahuilah sejarah yang faktanya cuba dibuang satu demi satu akan dicari kepastiannya satu demi satu sehinggakan tidak ada yang rompong dari buku sejarah.

By jollyAuthor Profile Page on January 28, 2011 8:24 PM

Hi Tun,

I have a story to tell.
There have been 3 music teachers in my life.

The first teacher taught me to play music with 5 tones only,
that I could perform beautiful melodies out of these 5 tones.

Later in my life, another music teacher came.
She empowered me and taught me to play with all 12 tones, 7 (white piano keys') can
already play beautiful melody like "My Way".
The remaining 5 keys would also give me the power to play my former music teacher's
preferred tunes.

Then, suddenly, came another teacher.

He told me that only his version of music was correct, and tried to convince me that "out of
tune" would have included all my previous teachers' tones, and was best for me. So, I could
not use the piano anymore, because all the tones in a piano are quantized.

Then I stopped playing music, because everytime I played, babies nearby who know nothing
about music, would cry aloud.

Sad story.

By jollyAuthor Profile Page on January 28, 2011 7:38 PM

Hi Tun,

Since you are a doctor, your analytical skill is very much appreciated.

In history, three kinds of entities: A, B and C, exist, and intersect with, say, M.

A: Never had the opportunity, but have already made M their home, their meeting place to plot for events that will tarnish the good name of M.

B: Did not take the opportunity to displace M, though had once occupied M.

C: Did not take any opportunity, never even thought of taking any opportunity of M.

My question is, why is C always made a scapegoat and called "kurang ajar" by some quarters?

The fact is, C has already been so "ajar"-ed in the 15th century.

What a mystery..

By jat2011Author Profile Page on January 28, 2011 6:55 PM

assalamualaikum tun,

sesungguhnya memang ramai orang yang tidak suka pada sejarah. semasa saya di sekolah ramai diantara kawan kawan saya yang malas hendak mentelaah mata pelajaran sejarah.

tetapi mereka yang "mengarang" sejarah juga boleh membuatkan pelajaran sejarah itu cukup menarik mengikut kehendak mereka. ada yang sengaja "mengarang" sejarah dengan meninggalkan fakta fakta penting untuk memenangi hati sesuatu kaum atau kumpulan. fakta fakta juga di ubah hanya untuk menonjolkan seseorang.

antara sejarah yang cukup menarik adalah sejarah leftenan adnan mempertahankan singapura sewaktu jepun menyerang singapura di pasir panjang. sejarah perang dunia kedua hanya berusia lebih sedikit dari enam puluh tahun. tetapi kalau di kaji cara sejarah ini di "karang" paling sedikit ada dua versi. versi singapura dan versi malaysia-walhal sejarah leftenan adnan seharusnya di tulis mengikut versi TANAH MELAYU.

sekiranya fakta fakta yang di tulis mengikut versi TANAH MELAYU sudah tentulah rakyat kedua-dua negara yang terpisah ini akan faham maksud sejarah dengan betul dan tidak akan ada yang boleh menganggap sejarah yang mengikut fakta itu satu perkara yang sensitif.

doa saya supaya insan lebih peka tentang sejarah yang lebih berlandaskan fakta.

semoga tun sentiasa berada didalam keadaan sihat.

By azmiAuthor Profile Page on January 28, 2011 6:48 PM

Salam Tun

Walaupun saya tak habis belajar sejarah tp sy bersetuju 100% pendapat Tun pasal sejarah yang ditulis mengikut kesesuaian, sensitiviti dan kepentingan pada masa itu kebanyakannya mengeneipkan kebenaran walaupun pahit untuk diterima.. Contohnya apa yang akan berlaku di Malaysia sekarang tidak mustahil akan ditulis berlainan sekali pada 50 tahun akan datang.. simply bcoz some people refuse to believe...itu terjadi pada pemimpin2 yang terdahulu walaupun pemimpin islam selepas nabi s.a.w.(bukan semua)dimana mereka ini merekacipta sejarah sendiri untuk mencari pengaruh kononnya atok nenek mereka menerima hadis dari nabi s.a.w...maka terjadilah sejarah dimana kita terlampau banyak mazhab2 berlainan pendapat.. nak ditanya mana satu sejarah yang betul malangnya saksi2 atok nenek moyang masing2 dah masuk kubur...allahualam..

By kangkong54Author Profile Page on January 28, 2011 6:29 PM

Tun,

hrp dpt yg arif memainkan peranan supaya pemimpin kita tegas dlm hal ini.

Kaum India dan Cina mempersoalkan kedudukan mereka setelah mereka dgn taktik kotor berjaya mempengaruhi pemimpin PKR & PAS utk bersama DAP utk memastikan melayu berpecah.

Kputusan PRU12 kejayaan mereka menafikan 2/3 majoriti kerajaan BN. Lps itu mereka dgn berani mempersoalkan kedudukan mereka dinegara ini, bukan pendatang,dan mempersoalkan hak istimewa melayu, kedudukan agama islam...yg pelik PAS bersama mereka. Sejarah kita dinafikan oleh kumpulan ini.

Mereka membawa ideologi politik samarata.

Hrp Tun nasihatlah pemimpin BN.

By kerajaan langitAuthor Profile Page on January 28, 2011 6:21 PM

Salam sejahtera,

Kenapakah dalam penulisan sejarah juga penuh dengan ketidak-adilan ?

Adakah manusia sebenarnya dicipta untuk berkepentingan diri?

Jika benar sedemikian kenapa sikap tersebut sentiasa dihina.....another series of penipuan peradaban manusia.

By Langkawi TrekkerAuthor Profile Page on January 28, 2011 5:11 PM

Dua premis perlu disentuh dan dikupas mengenai fakta sejarah bumi ini. Kedua-duanya mempunyai kaitan rapat dengan pandangan terbaru Tun.

Pertama mengenai tindakan menapis fakta sejarah dan kedua, usaha memesonkan sejarah bagi menyanjung sesuatu bangsa dan kuasa.

Pertama, perspektif Tun yang dilahirkan menerusi post terbaru mengingatkan kita kebenaran pada ungkapan ahli sejarah Sepanyol-Amerika George Santayana bahawa "Mereka yang lupa akan sejarah akan terseksa dan didera untuk mengulangi kesilapan mereka berulang kali".

Tun melahirkan hakikat sekiranya kita membelakangi kenyataan dan fakta sejarah demi untuk memelihara sensitif sesetengah pihak - satu amalan yang begitu mendalam diamalkan oleh kuasa-kuasa penjajah bagi membentuk dan mengekalkan kegemilangan mereka di mata dunia, maka terkuburlah peluang bagi kita mencungkil kebenaran.

Dan bertolak daripada ini, sikap dan amalan pincang itu diperturunkan dan digunakan oleh kumpulan manusia yang dijajah sebagai acuan, lantaran memanjangkan perspektif dan fakta salah mengenai sejarah bumi yang dijajah.

Ini berlaku berkali-kali sepanjang zaman-zaman penjajahan semenanjung Tanah Melayu oleh pelbagai kuasa sejak dulu lagi.

Apabila kuasa kerajaan Hindu bertapak di sini, selain menebarkan pengaruh agama dan budaya mereka di sini dengan meluas, mungkin tidak kurang juga detik-detik kolonisasi itu diguna sebagai modal untuk dicatatkan sebagai sebahagian daripada sejarah yang menongkat kegemilangan empayar Hindu berkenaan di Tanah Melayu.

Dari situ maka tertanamlah perspektif pada minda sesetengah cendekiawan sejarah tempatan kononnya segala-galanya bermula daripada kaca mata pencatat sejarah yang mendukung kegemilangan negara si penjajah.

Sama juga apabila berlaku penjajahan oleh kuasa ketenteraan Portugis, Belanda Jepun, dan akhir sekali, British. Masing-masing mempunyai agenda untuk melakarkan sejarah secara tersendiri.

Apabila berlaku kontroversi mengenai novel "Interlok" karya sasterawan negara Abdullah Hussain yang ditulis sejak sekian lama, kononnya ia membawa kandungan terlalu sensitif dan menggugat perasaan kaum tertentu, maka timbullah pelbagai bantahan s pro dan kontra berhubung perkara tersebut.

Hakikatnya, jika sejarah disunting atau ditulis semula sekadar untuk mengelak daripada menyentuh sensitiviti sesetengah pihak, apalah gunanya?

Manusia perlu belajar daripada sejarah. Perlu mengambil iktibar daripada segala kesilapan yang lampau. Dalam konteks ini sejarah amat berharga diutarakan sebagai pemangkin pelajaran mengenai sesuatu bangsa dan negara.

Bagaimanapun, dicelah-celah semua ini timbul pula tuduhan daripada segelintir cendekiawan tempatan yang enggan berganjak daripada kepompong pemikiran penjajah dalam aspek persejarahan.

Mereka mengecam keras tindakan membetulkan fakta-fakta sejarah oleh pengkaji-pengkaji sejarah tempatan yang mendapati apa ditulis oleh ahli-ahli sejarah British mengenai asal usul orang Melayu dan kronologi kependudukan semenanjung ini tidak benar, malahan salah sama sekali.

Kita tahu dengan menulis secara demikian ke mana arah kiblat mereka. Ia sekadar sebahagian agenda untuk sentiasa meletakkan nama penjajah British di persada paling tinggi supaya dikenang sepanjang zaman - tidak kiralah sama ada ia begitu pincang.

Kini hasil kajian dan penyelidikan oleh ahli-ahli sejarah tempatan sudah mula menunjukkan segala yang ditenggelami dan diselimuti oleh penjajah mengenai bumi ini.

Fakta dan penemuan terbaru ini amat mendalam dan empirikal - begitu menyeluruh hinggan ahli-ahli sejarah terkemuka dunia, termasuk nama-nama seperti Stephen Oppenheimer sendiri begitu teruja dan tidak teragak-agak menyokong penemuan-penemuan tersebut.

Oleh yang demikian, sekiranya difikirkan secara logik dan rasional, bukankah tepat sekali kita mengekalkan fakta sejarah dan realiti dalam hasil-hasil sastera negara tanpa perlu membetulkannya demi menjaga sensitiviti sesetengah kaum?

Jika kita akur dengan desakan supaya dibetulkan atau ditenggelamkan sesuatu karya di atas sebab-sebab tertentu, bukankah ia sama seperti tindakan pincang penjajah merakamkan sejarah untuk kepentingan diri sendiri?

By golamiAuthor Profile Page on January 28, 2011 4:58 PM

a'kum

sangat bersetuju dengan Tun.

apa yang penting adalah sekarang dan masa hadapan.

yang berlalu tidak akan boleh diubah dan berubah kerana telah berlaku.

ambillah yang jernih dan buang yang keruh

sensitiviti hanyalah permainan hati dan suka diapi-api oleh manusia yang bertopengkan

syaitan, dimana orang yang sensitif di dalam hal ini patut berfikir. ini semua adalah masalah yang boleh diselesaikan tetapi tidak mahu diselesaikan kerana kepentingan tertentu.

Tuhan bagi akal tidak, gunalah sebelum tidak sempat untuk menggunakannya.

masa itu 'emas' dan tidak boleh dituntut semula setelah berlalu.

By penghuni desaAuthor Profile Page on January 28, 2011 4:36 PM

YAB dan Dikasihi Tun;

Apa yang Tun kata tidak ada satu pun yang tidak benar melainkan benar belaka, tentulah yang Tun maksudkan salah satunya adalah isu Intelok, memang benar Tun pemimpin yang ada di Malaysia hari ini sama ada Najib atau Mahyuddin adalah sama sahaja -lemah dan lembek!, terlalu takut kepada kaum-kaum yang lain pantang diherdik sedikit terus ketar!! dan tanpa segan silu sanggup melukakan hati kaum sendiri(Melayu).

Padahal buku Intelok sudah 40 tahun diguna pakai mengapa tidak timbul isu selama ini?, Ternyata kaum-kaum ini sekarang mengambil kesempatan di atas kelemahan pemimpin yang ada kini. Mengapa perkara-perkara seperti ini tidak berlaku semasa pemerintahan Tun, cuma kalau pun ada tidaklah mereka seberani sekarang dan Tun pula dapat mengatasinya dengan penuh bijaksana tanpa menguriskan hati sesiapa, dan kaum-kaum lain ini pula amat mematuhi dan menghormati Tun dan tentunya sekali tidak akan berani mengangkat muka!.Saya bukan bodek Tun, tetapi inilah realitinya dan hingga ke hari ini tidak ada seorang pun pemimpin di negara ini yang dapat menandingi kehebatan Tun. Apa yang saya katakan ini Tun adalah timbul dari hati saya yang ikhlas sebagai rakyat di negara ini saya sangat kecewa dengan tindak-tanduk kepimpinan di negara saya pada hari ini, saya percaya boleh dikatakan semua rakyat di negara ini khususnya orang-orang melayu berada didalam keadaan kecewa dan tidak tenteram dengan kerendah pemimpin yang entah apa-apa yang ada pada hari ini.

Sesungguhnya Tun adalah anugerah Tuhan kepada rakyat dan bumi Malaysia, hanya pada masa pemerintahan Tun lah rakyat berbilang kaum dapat hidup dengan aman damai, dan amat sedih setelah ketiadaan Tun di tampuk pemerintahan negara berada didalam kucar-kacir. Ketiadaan Tun tidak akan ada pengganti, semoga Tuhan merahmati Tun. Amin...
By crazy diamondAuthor Profile Page on January 28, 2011 4:28 PM

Salam Tun,

Sejarah merupakan salah satu subject yg paling digemari saya sejak di sekolah lagi. Subject sejarah harus dikekalkan sebagai subject yg mesti lulus kpd pelajar. Saya berpandangan ramai yg memahami sejarah, tetapi kurang kesedaran tentang sejarah. Oleh sebab itulah, terdapat ramai pakar - pakar sejarah di Malaysia ni, samaada dikalangan blogger - blogger, ahli politik, malah terdapat ramai pembahas - pembahas yg pakar sejarah dlm blog ini. Mereka ni lah pakar sejarah, bukannya pakar sejarah mcm Prof Khoo Kay Kim & lain - lain.

Spt yg telah dijelaskan oleh Tun tentang fakta sejarah contohnya pertempuran perang di Waterloo, kekalahan tentera British di Galipoli dan lain - lain, ia jelas menunjukkan bahawa sejarah sesuatu negara akan ditulis oleh pihak yg menang atau kpd pihak yg memerintah utk mengekalkan homogeni mereka. Tetapi walaubagaimanapun ia harus dijelaskan berdasarkan fakta yg tepat & benar. Kebenaran harus diutamakan. Malangnya ramai ahli - ahli sejarah sejak kebelakangan ini, terutama sekali sejak tumbuhnya dunia blog ketika ini, seiring dgn perkembangan dunia teknologi maklumat yg tiada batas sempadan. Oleh itu, ia jelas menuntut seseorang mempunyai kemampuan berFIKIR bagi menganalisa setiap maklumat yg disampaikan kpd mrk.

Malangnya ramai dikalangan kita gagal mempunyai kemampuan berFIKIR yg baik. Ianya mungkin disebabkan kengkangan maklumat, kecenderungan politik @ kekurangan

maklumat yg boleh didapati samaada dari internet mahupun didalam perpustakaan dan juga disebabkan oleh mental block. Contoh yg paling mudah ialah tentang sejarah perjuangan UMNO ketika dizaman 40an dahulu, sukar utk memperolehi fakta yg lebih mendalam tentangnya.

Spt yg telah dijelaskan oleh Tun, sesiapa yg gagal mempelajari sejarah akan didera dgn mengulangi kesilapan mrk berkali - kali. Itukah yg kita semua mahu? Jelas sekali tidak, tetapi malangnya kita sering terdorong utk tidak mempelajari sejarah disebabkan oleh pengaruh politik sempit kita. Inilah yg terjadi kpd Malaysia ketika ini, ahli politik begitu mudah memainkan sentimen politik dgn mengaitkan sejarah agar sealiran dgn pendirian politik masing - masing. Cth yg paling mudah, bila terdapat ahli politik cuba menaikkan sentimen simpati terhadap Chin Peng utk menjuarai perjuangan politik masing - masing. Manakala rakyat yg mendengar ceramah mrk akan terpedaya dgn dakyah ahli politik tersebut. Ini disebabkan oleh tiadanya ilmu tentang sejarah negara kita.

By kangkong54Author Profile Page on January 28, 2011 4:28 PM

Tun,

mereka yg marah pd tulisan sejarah, kerana mahu lari dari kenyataan sejarah yg sebenar. kaum India dimalaysia mereka mahu lari drp kasta yg diamalkan di benua india. kaum cina dan india tidak mahu dipanggil pendatang kerana mereka tahu yg politik hari mereka telah berjaya memecahkan melayu, jadi undi mereka yg menentukan. hrp Tun menghuraikan supaya melayu tak lupa.

By HOT ZOOMAuthor Profile Page on January 28, 2011 4:22 PM

sejarah mengajar kita bagaimana pengajaran membawa perubahan dalam diri dan kehidupan

<http://bloginfo4uall.blogspot.com/2011/01/jenayahtahan-myvi-putih-bernombor.html>

By donplaypuksAuthor Profile Page on January 28, 2011 4:18 PM

I agree with your observation that History cannot be written taking into account the "sensitivities" of everyone concerned.

If it were allowed, then WW2 will be written with Germans and Japs claiming it was not their fault and Israelis denying the massacre at Sabra and Chatila. Therefore history must be written based on all available facts at that point in time, and revised when new facts emerge.

I suppose you have written this piece in view of the 'Interlok' controversy. Again, I concur the book should not be banned or revised as it presents facts, as unsavoury as they may be to some M'sian Indians, and is not a gross distortion of actual history.

My view is that Interlok should NOT be included in SPM Literature as it is a book of insufficient literary merit.

It was written 40 years ago and no one today would have heard of it or bought a copy were it not for the controversy and ruckus raised by MIC and Hindu Sangam. I mean where is Interlok when compared with other modern books such as 'To Kill a Mockingbird' (Harper Lee), 'The English Patient' (Michael Ondaatjee) or 'Invisible Cities' (Italo Calvino, Nobel Prize winner)? Clearly, nowhere!

A policy implemented by you with great vengeance, that of sidelining MERIT over one-sided affirmative action, has come home to roost. The Ministry and Minister of Education are now openly promoting mediocrity because of false pride, ego and 'face'.

Little wonder our education system is in the pits and we keep producing sub-standard graduates.

dpp

we are all of 1 Race, the Human Race

By zoljalurlebar Author Profile Page on January 28, 2011 4:10 PM

Assalamualaikum Tun,

Gambaran yang ada ialah hanya satu pihak mengambil berat sensitiviti beberapa pihak yang lain tetapi tidak sebaliknya. Kegairahan untuk tidak menyentuh sensitiviti beberapa pihak lain itu pula sering mengatasi sensitiviti pihak sendiri..inikah antara dilema yang Tun pernah jadikan judul sebuah buku tidak lama dahulu? Sekadar merungut...

By sivarajah arasu Author Profile Page on January 28, 2011 3:58 PM

It is not the facts of history that cause any problems! It is the politicians that use (misuse) the facts to divide and play up on the sentiments of the people. So we have reached a stage where no one is trusted and therefore the big hue and cry on facts of history (eg. Interlok). Everybody (except the politicians) are fearful that the facts will be twisted and misused for opportunistic purposes (ie. to remain in power)!

By zaim Author Profile Page on January 28, 2011 3:55 PM

1. Salam Tun, pertama kali ingin saya coretkan komen di blog Tun setelah acapkali menjengah. Jelas, tiada siapa yang dapat menyelamatkan nasib sesuatu bangsa melainkan anak bangsa itu sendiri yang menyelamatkan bangsanya sendiri.
2. Apa yang ada pada saat ini bukanlah skala penentu apa akan ada pada masa depan dan tambahan pula fakta sejarah boleh diubah-ubah.
3. Apa dan siapa kita pada hari ini dan akan datang adalah bermula dengan sejarah pada masa yang lepas.
4. Kesan kesilapan yang kita lakukan tidak kita terima sekarang tetapi anak cucu zuriat kita yang akan mewarisi nanti.
5. Sejarah tidak pernah silap. Sejarah tidak perlu diperbetulkan. Pahit atau manis ia tetap sejarah yang harus diterima semua pihak. Manalaka, kesilapanlah yang harus diperbetulkan.
6. Sejarah adalah titik rujukan di mana permulaan dan langkah kita seterusnya sama ada betul di atas landasan atau tersasar dari sasaran.

Zaim,

Johor Bahru.

ahlifalak@yahoo.com

By Tanggang Author Profile Page on January 28, 2011 3:53 PM

Salam ybhg Tun,

Tidak silap saya pernah melihat satu potret lukisan di Muzium Pasir Salak, Perak yang memaparkan Raja Perak Sultan Abdullah sedang bermesyuarat dengan menteri2nya didalam sebuah bilek yang tidak pasti samada ianya sebuah istana atau sebuah rumah. Tetapi lukisan itu memaparkan bilek itu berlantai dan berdindingkan buluh. Sekira ianya sebuah istana maka adakah benar istana raja2 Melayu berlantai dan berdindingkan buluh?

Sekiranya tidak benar maka pelukis itu telah salah mentafsirkan sejarah Melayu terdahulu.

Filem-filem Melayu klasik juga banyak memaparkan babak-babak diistana-istana raja yang diperbuat daripada seolah2 daripada buluh dan sebagainya. Adakah sejarah Melayu dahulu memang begitu?

Apabila Portugis menakluk Melaka pada 1511, Raja-Raja Melayu berhijrah Ke Johor dan Perak. Dengan memudiki Sungai Perak di Teluk Intan sehingga dan menetap di Kuala Kangsar sebagai pusat pemerintahan. Sungai Perak ketika itu adalah ibarat Plus highway dengan kesibukan pengangkutan. Pada masa ini terdapat banyak makam2 raja disepanjang Sungai Perak. Begitu juga dengan rumah2 kutai kayu Melayu yang masih lagi utuh ada yang besar luas dan ada yang baik untuk kediaman.

Batu Gajah, Perak seketika tidak lama dahulu mempunyai sebuah istana lama yang cantik dan besar diperbuat daripada kayu keras yang terletak diatas bukit. Amat sayang kerana kini telah dirobuhkan. Semua perkara itu adalah bukti bahawa Melayu mempunyai tamaddun kehidupan yang tinggi sebelum penjajahan British.

By roylouk Author Profile Page on January 28, 2011 3:39 PM

salam Tun

saya sangat bersetuju dengan pendapat tun, sekiranya kita terlampau mengira sensitiviti semua kaum. Generasi muda macam saya ni akan terus terumbang-ambing dengan cerita-cerita dongeng yang di reka oleh kononya pakar-pakar sejarah Malaysia. Bagi saya, sebagai seorang pakar sejarah yang telah di iktiraf tidak salah sekiranya mereka menulis sejarah berdasarkan cerita dan peristiwa yang betul, contohnya seperti peristiwa 13 mei, 16 sept penyatuan sabah sarawak untuk membentuk malaysia dan banyak lagi peristiwa sejarah yang sangat penting untuk menjadikan rakyat malaysia ini lebih mengenal akan asal usul mereka. kebanyakan orang masa kini lupa akan asal usul mereka dan menjadi bodoh sombong. saya berharap ada TINDAKAN yang akan dibuat oleh PIHAK YANG BERWAJIB untuk menjadikan sejarah sebuah cerita yang betul bukannya ditokok tambah atau di reka-reka dan bukannya hanya untuk diluahkan atau di baca dalam blog ini sahaja.

By Shamsul M Deris Author Profile Page on January 28, 2011 3:19 PM

Apa komen Tun tentang perkara dibawah? Kenapa subsidi untuk rakyat di hapuskan tetapi subsidi IPP dikekalkan.

Kaji semula perjanjian dengan IPP

SAYA merujuk kepada rencana yang disiarkan dalam Utusan Malaysia pada 24 Januari 2011, bertajuk Bila isu IPP hendak diselesaikan?

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) bersetuju dengan pandangan penulis bahawa kerajaan perlu mengkaji semula perjanjian dengan Penjana Tenaga Bebas (IPP).

Kerajaan sewajarnya meneliti semula perjanjian konsesi IPP kerana ia bersifat 'berat sebelah'. Akibat daripada perjanjian berat sebelah ini, akhirnya pengguna yang perlu menanggung bebannya.

Dalam keadaan harga gas, diesel dan arang batu yang tidak stabil di peringkat antarabangsa, ini menyebabkan kos penjana tenaga kian meningkat. Namun begitu berdasarkan perjanjian konsesi tersebut, sebarang peningkatan harga ini akan ditanggung

oleh pengguna melalui formula pass-through.

Kerajaan juga sedang dalam pertimbangan untuk menyemak semula tarif elektrik kepada pengguna domestik dan industri memandangkan peningkatan kos operasi yang ditanggung oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Walau bagaimanapun jika dilihat daripada peningkatan kos tersebut, sebahagian besar daripada kos itu adalah kos pembelian tenaga elektrik IPP.

Pada tahun 2008, TNB membayar lebih RM9 bilion kepada IPP, yang bersamaan dengan 45 peratus keseluruhan kos operasi TNB.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dalam kenyataannya kepada Dewan Rakyat, menyatakan bahawa pada tahun 2009, IPP menjana sebanyak 67 peratus daripada keperluan elektrik, manakala TNB pula menjana sebanyak 33 peratus.

Beliau juga mengakui bahawa jumlah rizab tenaga adalah berlebihan iaitu sebanyak 53.2 peratus berbanding dengan tahap piawaian antarabangsa sebanyak 25 peratus.

Ini bermakna TNB telah membayar 53.2 peratus jumlah tenaga elektrik yang hanya untuk disimpan bagi menghadapi sebarang gangguan penjanaan elektrik.

Dalam masa yang sama, Petronas pula memberikan subsidi gas kepada IPP dan TNB untuk menjana tenaga elektrik.

Subsidi ini dalam bentuk pengurangan harga gas berbanding dengan harga gas semasa. Petronas dikatakan telah memberikan subsidi gas sebanyak RM19 bilion pada tahun 2010 kepada IPP dan TNB.

Jika dilihat daripada senario ini menunjukkan negara sebenarnya tidak memerlukan IPP untuk menjana elektrik dan menjualnya kepada TNB.

Ini berdasarkan jumlah perbelanjaan yang tinggi terpaksa ditanggung oleh kerajaan, sama ada kos pembelian tenaga elektrik oleh TNB atau subsidi gas Petronas kepada IPP.

Sepatutnya kos pembelian tenaga itu digunakan oleh TNB membina stesen penjana elektrik yang baru bagi menampung keperluan elektrik negara.

Begitu juga subsidi Petronas yang diberikan kepada TNB bagi membantu TNB mengurangkan kos penjanaan elektrik. Pada masa yang sama TNB harus terus menerokai sumber tenaga yang boleh diperbaharui untuk menjana sumber tenaga elektrik.

Sebagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), TNB mempunyai tanggungjawab sosial bagi memastikan rakyat sentiasa mendapat bekalan elektrik.

Namun keadaan ini tidak berlaku kepada IPP yang hanya mementingkan keuntungan syarikat dan pemegang saham mereka sahaja. Malah beberapa syarikat IPP ini telah dijadikan syarikat persendirian untuk memastikan mereka tidak perlu mendedahkan laporan penyata kewangan tahunan mereka kepada Bursa Malaysia.

Kerajaan perlu melihat semula cadangan untuk mengenakan cukai untung berlebihan sebagaimana yang dibangkitkan sedikit masa dahulu agar kadar keuntungan berlebihan IPP ini dapat dinikmati oleh rakyat dalam bentuk pembangunan prasarana bekalan elektrik.

MARIMUTHU NADASON

Presiden FOMCA

By Hazman Abu Bakar Author Profile Page on January 28, 2011 2:45 PM

Sensitivity kaum dimanipulasi untuk kepentingan politik. Sepatutnya apa yang terjadi sekarang perlu di tulis dalam buku teks sejarah supaya semua orang boleh ambil iktibar.
By adleow Author Profile Page on January 28, 2011 2:44 PM

Dear Tun M,

I totally agree with your point of arguments. I myself are a devout "christian".. And I'm definitely not offended by the content.. However, unfortunately "opportunist" out there are trying to make a big issue out of it. But I must say, they also do have their point.

Every one are entitled to have their views and opinions on certain issues. We have to accept this fact. However, it is for us to view and judge for ourselves.

Fortunately, this Sejarah text are for secondary school and not primary. I believe teenagers at that age are able to make their own judgements on certain matters. "what you read is not necessarily true"... It's just part of their education syllabus.

If this text are to be implemented for primary school, then my stand would be very different. I would strongly object to it as basically the government are seen to be trying to "brainwash" the younger generation with their own propaganda.

By anaismi Author Profile Page on January 28, 2011 2:39 PM

Assalamualaikum...Tun Dr Mahathir Mohamad , Al Quran itu sendiri mengandungi banyak cerita-cerita sejarah...untuk pedoman manusia dari mula turunnya hingga di zaman kini dan akan datang...sensitive atau tidak memang untuk pengajaran..kita sebagai manusia diseru bertindak yang baik lagi benar dan mencegah kemungkaran..mungkin sekarang masanya untuk kita membukukan sejarah akan kerelaan dan tolak ansur Melayu adalah bersandarkan ajaran Islam yang di perintah Allah SWT hingga dapat membuatkan bangsa lain boleh hidup bukan saja tenang bahkan kaya raya di negara kita...disebabkan nilai keIslaman dan kemanusiaan Melayu yang murni itu sendiri...sebelum nilai murni Melayu Islam itu dilenyapkan oleh sejarah yang diciptakan oleh mereka-mereka yang tidak mengenang budi. Kita tidak minta mereka berterima kasih...tapi jangan sampai bagi betis nak paha..kemudian terus nak pijak kepala..mana boleh...Allah suruh orang Islam jadi hamba tauladan bukan hamba Allah yang bodoh..dikurniakan semua bangsa akal-akal jenis manusia jugak...

By jolly Author Profile Page on January 28, 2011 1:49 PM

Hi Tun,

One question though.

Let us consider the following possibility.

If the peaceful world knows that this person of "the other force" is on the verge of developing a kind of new WMD.

What should they do to stop him?

Since war is already criminalized.

What can they do?

Negotiate? I don't think so.

Pre-emptive strike? That would be against the new law (if war has been criminalized).

If Tun has a solution to this question, Tun can indeed convince the civilized world to support Tun's noble cause of criminalizing war.

By musatoAuthor Profile Page on January 28, 2011 1:31 PM

Assalamualaikum Tun.

Dalam blog ini juga saya telah ungkapkan nilai-nilai sejarah dengan menyebut nama-nama besar seperti Tokku Paloh (Sayid Abdul Rahman bin Muhammad Al Idrus dan Tok Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik bin Abdullah). Kesemua ulama alim negeri Terengganu ini adalah berketurunan Rasulullah s.a.w

Setiap satunya mempunyai tujuan kenapa saya menyebut nama-nama mereka.

1. Tokku Paloh (Sayid Abdul Rahman)

Saya secara kebetulannya telah terbaca tentang biografi Tokku Paloh di dalam akhbar tak lama selepas Tun Mahathir keluar UMNO dan baru mula blogging.

Seingat saya, hanya selepas itu saya mula menulis komen di dalam chedet.com setelah terkejut dengan pengetahuan baru saya itu. Hati saya terdorong sebagai rakyat negeri Terengganu yang bertanggungjawab.

2. Tok Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik)

Pengetahuan saya tentang kewujudan Tok Pulau Manis ini diketahui secara sahinya setelah kematian datuk saya, yang mana beliau dikuburkan di dalam kawasan yang terdapat papan tanda kewujudan makam Badaruddin anak kepada Tokku Pulau Manis.

Namun begitu, hati saya telah mendesak sejak hari mula memakai pakaian pernikahan tentang pertanyaan siapakah peneroka asal kampung kepada arwah datuk saya. Pertanyaan ini tidak berjawab.

Dan persoalan sebegitu berterusan sehingga saya mendapat maklumat sedikit sebanyak dari nenek saya.

Untuk makluman salasilah Tok Pulau Manis telah bercampur dalam masyarakat kerana keputusan beliau meninggalkan kerusi pemerintahan untuk berdakwah pada satu ketika dahulu.

3. Tun Mahathir

Saya berbangga kerana dapat mengenali Tun Mahathir ketika hayat saya. Menempuhi rintangan yang tak dapat saya bayangkan dari mana semangat ini datang. Satu kerja yang gila. Dan saya pasti Tun juga melalui saat-saat indah yang saya pasti sukar untuk dirasai sekali lagi. Tun melalui zaman ini.

Apa yang saya tulis ini adalah satu perkara yang bukannya kecil. Salasilah nama-nama

mereka ini masih berkembang dan ada yang memegang jawatan tinggi samada dalam bidang agama atau pun tidak.

Tetapi itulah ilmu tasawuf yang saya kenali dan ditunjukkan jalannya oleh Allah s.w.t

Ketika hati bersedih mengalirnya air mata yang hangat di pipi, mengenang nasib diri, hadirnya Rasulullah s.a.w menenangkan hati. Apa lagi selain dari itu yang dapat mengembirakan hati ini?

Terima kasih Tun.

Terima kasih Tun.

By ros langkawi Author Profile Page on January 28, 2011 1:09 PM

assalam ayahanda Tun

Saidina Ali diriwayatkan ada berkata:
"Katakanlah yang benar walaupun pahit."

saya suka sejarah dan telah mengajar subjek sejarah dan kenegaraan dalam tempoh 10 thn ini. elemen penting sejarah ialah:

1-kebenaran

2-pengajaran/iktibar

3-progress/maju (dalam ertikata belajar dari pengalaman & kebenaran dan memandang ke hadapan)

jangan gadaikan masa depan dengan menyembunyikan masa silam!

By suhaimi Author Profile Page on January 28, 2011 12:26 PM

Salam Yang Di Hormati Tun,

Saya rasa isu satu Malaysia, politik Malaysia (emphasis on Malay) dan keinginan minoriti (they want to go on the basis of individuality, if i'm a minority, i support this too) bergabung (converging) di dalam bentuk yang kita belum pernah lihat sebelum ini.

Perbincangan-perbincangan oleh setengah pihak jelas tidak masuk akal menjadi 'center stage'. Mereka merumus sesuatu yang boleh diketawakan. Saya berpendapat, ia mesti berhenti. Telah terbukti, demokrasi terlebih atau apa-apa yang terlebih sentiasa tidak baik untuk manusia sejagat.

I think simple is not always right. Nothing is always right or appropriate. It always depend on the mixture of interacting variables or factors. History as it is, is one big interacting variables because everybody will be like fishing from the same bag of information, then writing them depends on perspective or more accurately on power behold of the writer or writers or anybody in power to decide or determine the final outcome. In the end, one should ask, are we wasting time to accommodate democracy or it is just something we do to kill time and gain some mileage.

I think the focus shouldn't be on the individual chatter, but the sound collectively. I think if we should adopt democracy, so why don't we just let the majority prevail. Simpler and shorter approach saves time and above all, uphold the democracy we are promoting.

Don't be like Mr. Lee Kuan Yew, he was and is promoting democracy in his personal character mould. If you really look at it, this senior guy is actually a very scared guy. He is

clearly out of sync with the rest of the region. The question is, do we need people who is out of sync in this country as well?

By azafa75Author Profile Page on January 28, 2011 12:16 PM

Assalamualaikum Tun yang dihormati & seluruh rakyat Malaysia,

Saya tidak setuju dengan keputusan Kerajaan tentang isu INTERLOK, masih boleh digunakan tapi dipinda pada ayat yang menjadi sensitiviti kaum India.

Saya kakitangan kerajaan sokong 100% kenyataan Tun.

Kenapa? kenapa? kenapa?...

1. Kita hendak mengubah sejarah sedangkan ianya benar2 berlaku.
2. Kita sangat bertolak ansur sedangkan ini bumi kita, mereka yang datang benar2 dari keturunan pendatang yang berlatarbelakangkan sebegitu. (tujuan politik sekalipun janganlah bercerita dongeng pada anak cucu kita)

Saya sungguh sedih. Saya sungguh terkilan. Saya terasa diri anak cucu ini ditoreh semata2 hendak jaga keturunan pendatang. SUNGGUHHH! BETULLL!!

Fahamlah wahai si pemimpin..mereka ini (kaum India) di negara India memang ada yang PARIA, tetapi di bumi kita mereka ini semuanya rakyat Malaysia.

Kita belajar dari sejarah supaya kita & kaum lain belajar demi kebaikan bersama.

Kepada pemimpin..TUKAR BALIK KEPUTUSAN INI!, atau kami tukar SEGALANYA!!!. Malu sungguh..semata2 politik sanggup biar kepala dipijak2. Yang hak & batil itulah sepatutnya. Jangan gentar..ALLAH itu maha adil..sedih saya. Kalau macam inilah..saya yang kuat menyokong BN..terpaksa berubah dan mengubah.

By jollyAuthor Profile Page on January 28, 2011 12:12 PM

Hi Tun,

Therefore, I fully support your call for "criminalizing war".

Thank you.

By ibrahimAuthor Profile Page on January 28, 2011 12:06 PM

Semoga berjumpa lagi dengan Tun semasa solat Jumaat nanti...

Mereka yang memutarbelitkan sejarah adalah mereka yang bakal mengulangi sejarah itu. Samada ianya membawa kebaikan atau kemusnahan. Kebaikan buat apa nak risau...semestinya kemusnahanlah yang perlu dipelajari dan dielak dari berulang.

Semoga cerdik pandai dan kita semua mesti sentiasa sedar.

By jollyAuthor Profile Page on January 28, 2011 12:05 PM

Hi Tun,

Regarding how a particular race treats wars, it all depends on the values of that culture.

To some, they think that it is a glory to fight and die in wars (like Kamikaze).

To others, it is not ethical to rob others of their lands (like the chinese (or Muslim? I am confused, for the Moorish who occupied Spain are muslims too) such as Cheng Ho's thinking).

Sad to see that still, most cultures today (except the more developed Nordic countries I suppose) seem to glorify wars in their history books.

People like Iskandar / Alexandra, Napoleon, Genghis Khan, are all held in high esteem by some cultures, so much so that the whole land or area is designated with their heroes' name, like Iskandar.

Bbut we seldom find Pasteur, Isaac, Einstein, etc. designated as a cities' or town's name.

Whereas to the peace-loving people, they were forced to learn the history books full of texts that glorify these bloody people, and slowly brain-washed.

What a shame. Even after two thousand years of the new era (i.e. AD and not BC), yet people still engage in glorifying wars and kill each others.

So what if the Turks once defeated the British?
So what if the Moorish people once occupied the Iberia peninsula?
Meaningless.

If you win the whole world yet you lose your soul, what's the point?
By dinturtleAuthor Profile Page on January 28, 2011 11:37 AM

Salam Tun,

Kita tidak dapat menukar sejarah, tapi bagaimana hendak menentukan sesuatu itu benar2 sejarah yang sahih atau sekadar kesilapan ? Dengan izin ...

<http://dinturtle.blogspot.com/2011/01/interlok-nama-allah-dan-satuuuu.html>
By buntatAuthor Profile Page on January 28, 2011 11:35 AM

Sejarah tidak akan menipu,malah sejarah akan membongkarkan segala penipuan.Banyak perkara yang boleh dipelajari dari sejarah.Melalui sejarah kita mencorak masa depan.

Source : <http://chedet.co.cc/chedetblog/2011/01/sejarah.html>